



# **Kesan Selepas Perhimpunan**

PAHROL MOHAMAD JUOI

MINDA ABUYA AGENCY  
KUALA LUMPUR  
1993

KESAN SELEPAS PERTANDINGAN *Pahrol Mohamad Juoi*  
Cetakan Pertama November 1993

© Minda Abuya Agency

**Hakcipta terpelihara.** Mana-mana bahagian daripada penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpankekal atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada cara elektronik, sawatan, fotokopi dan sebagainya tanpa terlebih dulu mendapat izin bertulis dari penerbit.

*Diterbitkan oleh* Minda Abuya Agency  
163-A, Jalan Aminuddin Bakri, Taman Tun Dr Ismail,  
60000 Kuala Lumpur.

*Rekabentuk Kulit dan Layout DTP oleh*  
Unit Rekabentuk,  
Bahagian Pengeluaran Minda Syeikhul Arqam,  
Kuala Lumpur.

*Muka taiptek:* Times Roman, 11/12 poin

*Dicetak oleh:* Percetakan CS

h

M 728455

324.259511

PAH

30 JUN 1994

Perpustakaan Negara  
Malaysia

*Kutujukan buku ini  
buat mereka yang  
rindukan kedamaian*

*Apakah belum tiba masanya buat hati tunduk  
kepada ALLAH setelah hidup begini kacau kerana  
berpaling dari-Nya*

# Kandungan

**Muqaddimah** muka 1

**1 Siapa TPM Yang Baru?** muka 5

**2 Pandangan Umum Menyebelahi Siapa?** muka 11

**3 Ghafar Jadi PM** muka 17

**4 Rintihan Ahli UMNO** muka 25

**5 Pandangan Ahli-ahli Kerohanian** muka 37

**6 Ramalan Abuya Imam Ashaari** muka 47

**7 Munajat Rakyat** muka 61

**Penutup** muka 71

# Muqaddimah

 AMPIR seluruh rakyat Malaysia terutamanya ahli politik, pemerhati dan cerdik pandai secara khusus, serta secara umum rakyat ASEAN dan juga CIA sedang menumpukan perhatian kepada pergolakan politik yang sedang berlaku dalam parti UMNO sekaligus melihat pergolakan dalam pemerintahan negara kerana UMNO adalah parti pemerintah waktu ini.

Lebih daripada itu mereka tidak sabar menunggu apa akan jadi pada dan selepas hari Perhimpunan Agung UMNO yang bermula 4 November 1993 ini. Kerana perhimpunan kali ini berlaku selepas Encik Ghafar Baba meletak jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri, menarik diri daripada pertandingan Timbalan Presiden UMNO dan terbaru sebagai Setiausaha Agung Barisan Nasional. Apa akan jadi seterusnya? Apakah Encik Ghafar terus dalam

### **Kesan Selepas Perhimpunan**

UMNO? Apakah Anwar akan dilantik jadi Timbalan Perdana Menteri? Di tengah-tengah tanda-tanya inilah Perhimpunan Agung UMNO kali ini akan berlangsung.

Pada sebahagian pemerhati bahkan ahli UMNO sendiri, pertarungan dan perkelahian politik yang baru berlaku dan ada kemungkinan akan terus berlaku dirasakan musuh dengan musuh, bukan kawan dengan kawan. Ia tidak berlaku secara *sporting* dan demokratik.

Ini memang ada benarnya kerana di akhbar-akhbar tempatan sebelum ini dapat kita lihat bagaimana dua puak, terutamanya pihak Brother Anwar, meraih kemenangan, bukan lagi dengan memberi hujah-hujah ilmiah serta semangat demokrasi dalam parti, tetapi lebih merupakan hentaman, penghinaan, memalukan dan sebagainya.

Dan bagi pihak En. Ghafar Baba, oleh kerana suratkhabar sudah dikawal oleh Brother Anwar, mereka tidak dapat menggunakan untuk menjelaskan kedudukan yang sebenarnya. Lalu mereka menggunakan saluran atau cara lain untuk itu. Yang penting, suara mereka dapat didengar. Buat mereka yang berpeluang mendengar ceramah Datuk Seri Sanusi Junid yang menolak politik wang untuk membantu En. Ghafar, mereka dapat merasakan itu juga bukan merupakan penolakan kawan seperti. Tapi satu tolakan musuh kepada musuh. Ini munasabah; "Kata berjawab, gayung bersambut".

Ucapan Datuk Seri Sanusi yang baru berlalu tidak dirasakan sebagai ucapan ahli UMNO kepada ahli, tetapi lebih mirip ucapan yang ditujukan pada parti lawan yang telah menghina dan menjatuhkan air mukanya selama ini.

Bagi orang yang tajam akalnya dan sangat peka dengan isu-isu semasa serta mengambil berat tentang kesan di sebalik kejadian, dia memandang apa yang berlaku dalam UMNO kini bukan lagi pertandingan tetapi permusuhan

## **Muqaddimah**

yang memang untuk saling jatuh menjatuhkan satu sama lain. Walaupun ketika ini keadaan seolah-olah mereda tetapi sebenarnya ia umpama bisul yang sedang membengkak macam api dalam sekam. Dendam masih membara. UMNO akan terus bergolak bukan sekadar menjelangnya perhimpunan tetapi akan berekoran dan bertali selepas perhimpunan.

Dan kesannya bukan saja berlaku pada UMNO tetapi juga terasa pada wajah politik di Malaysia serta corak kepimpinan dalam negara yang akan berubah dan bertukar corak. Namun, bagi pejuang-pejuang Islam yang tulen, mereka memandang lebih jauh daripada itu, iaitu mereka melihat peristiwa ini akan merentang satu *highway* kepada kepimpinan Islam yang akan mengambil alih pentadbiran Malaysia.

Kalaupun *highway* itu kelihatan begitu kusut mulanya tapi rasanya akan ada pemimpin sejati tertonjol di jalan yang kusut itu dengan penuh aman damai dan harmoni. Ia akan berlaku dengan satu kaedah yang belum dapat dijelaskan di sini, tetapi yang pasti tidak mengikut jalan demokrasi apalagi revolusi.

Di sinilah nanti bila terjadi, akan menggemparkan semua pihak. Terutamanya yang merasa berada di pihak yang menang. Kerana mereka tentu berhajat dengan kemenangan itu mereka akan dapat mencapai jawatan PM. Rupa-rupanya kemenangan yang diharap menjadi jalan kepada kerusi PM, menjadi sekatan pula yang sama sekali tidak diduga. Kerana ia berlaku secara *khawariqul 'adah* (luar biasa). Ia benar-benar berlaku, untuk menunjukkan kekuasaan ALLAH menghukum segolongan manusia yang begitu yakin dengan usaha dan kuasanya.

Di waktu itu, mereka yang menang akan jatuh dalam keadaan paling terhina dan menyeksakan selepas kemenangannya. Dan golongan yang kalah sementara waktu, yang

### **Kesan Selepas Perhimpunan**

dihina-hina hingga malu, ALLAH mengangkat sedikit demi sedikit kemuliaan mereka. Tetapi yang akan lebih dapat keuntungan ialah orang yang tiada hubungan langsung dengan pertarungan itu. Golongan ini akan dapat kedudukan istimewa, dan waktu itu rakyat yang sudah pun kecewa dengan politik dan kecewa dengan pentadbiran, akan menyambutnya penuh gembira dan mengucapkan *ahlan wa sahlan* kepada mereka.

Maka waktu itu akan terjadilah seperti mana yang disabdarkan oleh Rasulullah SAW bahawa kebenaran di akhir zaman bermula di Timur, selepas itu merebak ke seluruh dunia.



UMNO akan terus bergolak dan mungkin sakarat selepas tarikh 4 November 1993 ini. Namun ini tidak boleh dilihat sebagai menggelapkan masa depan orang Melayu — selagi mereka mahu terima Islam dan kepimpinannya.

**1**

# Siapa TPM yang baru?



**K**EMENANGAN Brother Anwar tidak dapat ditolak lagi. Seolah-olah kerusi Timbalan Perdana Menteri (TPM) yang dikosongkan oleh Ghafar memang sudah dimilikinya. Kecuali taqdir ALLAH sahaja yang akan mengubahnya. Iaitu jika berlaku sesuatu *khawariqul 'adah* (di luar adat/kebiasaan) walaupun selepas kemenangannya.

Tidak mustahil sesuatu yang di luar jangkauan fikiran boleh berlaku. Berapa ramai TPM yang tidak jadi Perdana Menteri? Tun Dr. Ismail meninggal dunia. Datuk Musa Hitam meletak jawatan. Dan kini Encik Ghafar pula meletak jawatan. Di Malaysia sudah tidak pelik lagi kalau TPM tak jadi PM... Tetapi setakat ini, mengikut usaha ikhtiar, nilaiansata, prosedur dan sistem yang ada, Brother Anwarlah bakal TPM.

Brother Anwar menang setelah semua faktor lahiriah menyebelahinya. Segala-galanya memihak kepadanya. Brother Anwar punya duit, media massa dan penyokong-penyokong yang terdiri daripada majoriti Menteri-menteri pusat dan Menteri Besar. Sedangkan di pihak Encik Ghafar, hanya ada empat Menteri yang kelihatan menyebelahinya iaitu Datuk Seri Sanusi Junid, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Seri Rafidah Aziz, dan Datuk Syed Hamid Albar. Encik Ghafar juga tidak menggunakan duit untuk menang. Dia kalah. Tetapi nampaknya masih tenang,

### **Kesan Selepas Perhimpunan**

mungkin kerana dia lebih berserah kepada ALLAH.

Cuma yang kita tidak pernah terfikir sebelum ini ialah sebelum semua kejutan ini berlaku, beliau telah berjumpa Ustaz Ashaari Muhammad. Ini satu kejutan yang tidak disangka oleh sesiapa termasuk oleh kumpulan Brother Anwar sendiri. Apakah yang sebenarnya menggerakkan Encik Ghafar bertemu Ustaz Ashaari, yang terkenal di kalangan pengikut-pengikutnya kini dengan panggilan **Abuya Syeikh Imam Ashaari Muhammad At Tamimi?**

Siapa pun tidak mengetahuinya. Mungkin barangkali beliau minta doa, kekuatan semangat dan restu ulama. Tidak siapa tahu mengapa di saat yang begitu kritikal, Encik Ghafar membuat satu keputusan yang begitu nekad. Dan mungkin di pihak Abuya Imam Ashaari pula telah mendoaakannya.

Walaupun hanya sekadar itu usaha yang dibuat oleh Encik Ghafar tetapi langkahnya itu sempat menghasilkan sesuatu yang positif. Buktinya, akhbar yang berpengaruh di Indonesia, *Republika* Rabu 6 Oktober 1993, ketika mengulas berita tersebut di bawah tajuk "**Al Arqam Dukung Ghafar Baba**" telah menyatakan:

"Posisi Wakil Perdana Menteri Malaysia, Abdul Ghafar Baba kembali menguat setelah pada 22 September 1993, Ghafar Baba menemui tokoh nomor satu Al Arqam, Ashaari Muhammad, guna mendapat dukungan dari tokoh yang sudah tujuh tahun dicekal masuk ke negaranya."

Menurut *Republika* lagi, dukungan Abuya Imam Ashaari itu menguatkan kembali kedudukan Encik Ghafar Baba yang sudah goyah kerana:

"Ia (Ustaz Ashaari) bukan saja tokoh yang berpengaruh di kalangan jamaahnya yang kini jumlahnya mencapai puluhan ribu, namun juga tokoh yang mempunyai pengaruh di kalangan masyarakat luas."

## Siapa TPM Yang Baru?

Pertemuan Encik Ghafar dengan Abuya Imam Ashaari itu bagaimanapun tidak mendapat liputan akhbar-akhbar tempatan di Malaysia kecuali sebuah akhbar tabloid. Hal ini mudah difahami kerana jika disiarkan berita itu ia akan memberi kesan yang positif kepada Encik Ghafar dan Arqam (yang sangat dimusuhi oleh pihak-pihak tertentu di Malaysia). Sekalipun langkah Encik Ghafar ini tidak mengubah keputusannya untuk bersara tetapi setidak-tidaknya dia, masyarakat dan pihak lawannya faham berbaik-baik dengan Arqam tidaklah merugikan seperti yang dilogikkan oleh akal segelintir orang.

## Al-Arqom Dukung Ghafar Baba

KUALA LUMPUR, REPUBLIK

Posisi Wakil Perdana Menteri Malaysia, Abdul Ghafar Baba, kembali menguat, setelah pada 22 September 1993, Ghafar Baba menemui tokoh nomor satu Al Anqom, Ashari Mohammad, guna mendapatkan dukungan dari tokoh yang sudah tujuh tahun dikenal masuk negaranya. Pertemuan itu berlangsung di pentingangannya, Bangkok, Thailand. Sebelumnya, sejurusnya, Menteri Besar UMNO juga membuat kesepakatan untuk tidak mendekati Ghafar mendarat dari pertemuan memperbaiki posisi Timbalan Ketua UMNO melawan Menteri Keuangan, Anwar Ibrahim. Hal ini membuat posisi Ghafar Baba, kembali menguat, setelah sebelumnya sempat goyah.

Bagi Ghafar, yang oleh sejumlah pengamat diramalkan bakal kalah telak, karena hanya mendapat tujuh pencalonan, sementara pesaingnya Anwar Ibrahim adalah mengumpulkan 115 pencalonan, maka dukungan dari Syekhul Arqom, panggilan akrab jamaah Al Arqom kepada Ashari Mohammad, menjadi penting. Sebab ia bukan saja tokoh yang berpengaruh di kalangan jamaahnya yang kini jumlahnya mencapai puluhan ribu, namun juga tokoh yang mempunyai pengaruh di kalangan masyarakat luas.

Tentang materi pembicaraan kedua tokoh ini, tidak ada yang tahu persis. Pers Malaysia sendiri tidak mengungkapkannya dengan jelas. Namun menurut sumber Republika di Arqom Malaysia,

Ashari telah memberikan pandangannya yang cukup berguna bagi Ghafar.

Menurut pemberitaan Buletin Utama yang terbit di Malaysia, pertemuan itu dirancang oleh Menteri Pertanian, Datuk Seri Sami Junned, yang merupakan teman dekat Ashari Mohammad sekaligus pendukung kuat Ghafar. Keberparisan berita ini memang tidak dibantah oleh Abdul Halim Abbas, Wakil Presiden Arqom, sekaligus wakil Ashari Mohammad saat ditemui Republika di Kuala Lumpur.

Bahkan menurut sumber Arqom di Malaysia membekali kakitangan Ghafar Baba menjalankan Kepada Ashari Mohammad, untuk mencabut pencakalan yang dia buat bulang ke Malaysia. Ia juga jersih mengaku, Wakil Ketua UMNO, Bahkan Ghafar diperkirakan akan lebih ketat dalam memperjuangkan berlakunya syariat Islam di Negeri Jiran itu. "Anwar selama ini tidak serius dalam memperjuangkan Syariat Islam. Buktinya selama dia jadi menteri judi tidak dilarang, dan banyak bentuk kemaksiatan lainnya dibebaskan," ujar Abdul Halim Abbas. "Dia itu hanya pandai bercicip, fasih Qur'an dan Hadist. Sehingga kelihatan membela Islam," tambahnya, seolah membentuk anggapan bahwa Anwar adalah aktivis Islam militan.

Namun Ustad Halim, begitu ia biasa dipanggil, menolak anggapan kalau Anqom kini mulai berpolitik. "Anqom tetap tidak akan berpolitik. Kami tetap akan ber-

dakwah seperti di zaman Rasulullah. Dan kami hanya akan mendukung orang yang benar-benar membela untuk kepentingan Islam. Namun tidak mustahil jika ternyata keadaannya memungkinkan, bisa saja Arqom nantinya menjadi sebuah kekuatan politik," katanya berasa.

Menurut perkiraan sejumlah pengamat, sekalipun Ghafar Baba di atas ketua akan kalah melawan Anwar, akan tetapi kemampuan Anwar untuk dapat bekerja sama dengan Dr. Mahathir, diragukan. Alasannya, dalam sejarah Malaysia sejak Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman sampai Mahathir, tidak pernah ada akur antara PM dan wakilnya jika sama-sama agresif, atau sama-sama "pendek". Begitu Mahathir atau Anwar, keadaanya orang yang sama-sama agresif dan penuh ambisi. Sejatinya telah menunjukkan ketika Mahathir berpasangan dengan Musa Hiram. Keduanya sama-sama aktif, akhirnya di tengah jalur beristik. Dan hal itu menyebabkan UMNO pecah menjadi dua.

Ghafar Baba dinilai cukup cocok berpasangan dengan Mahathir. Yang satu aktif-agresif, dan yang satu pasif-praktis. Sebaliknya, para pengamat pessimis kemampuan Anwar untuk dapat bekerja sama dengan Mahathir, bahkan khawatir peristiwa pecahnya UMNO akan terulang. Apalagi Anwar maru dengan membawa semangat perjuangan dalam kepemimpinan UMNO. Para pengamat meragukan dukungan Mahathir terhadap Anwar. ■ moe

## Kesan Selepas Perhimpunan

*Republika* nampaknya begitu yakin bahawa, "Ashaari telah memberikan pandangan yang cukup berguna bagi Ghafar..." Apakah 'pandangan yang cukup berguna' itu memberi saranan-saranan dan idea untuk En. Ghafar buat bertindak selanjutnya? Atau mereka berdua ada membincangkan hal-hal lain yang lebih tersirat yang terlepas daripada membicarakan soal kerusi.

Sama-samalah kita tunggu. Berbagai-bagai kemungkinan, lojik atau tidak lojik, akan berlaku, pada dan selepas Perhimpunan Agung UMNO nanti. Saya pernah bertanya kepada seorang kenalan yang bekerja dengan sebuah akhbar tabloid, "Bagaimana keadaan politik sekarang?" Dia menjawab, "Sukar dijangkakan!"

Walau bagaimanapun, setakat ini, semua perkembangan itu seolah-olah tidaklah akan mengubah kemenangan Brother Anwar. Brother Anwar terus di hadapan. Anwar telah menang!

## **Malaysians to invest in local projects**

\$500 million expected to finance various concerns in Muslim Mindanao

A major Malaysian investment group has agreed to invest in 45 worth \$50 million in building, real-estate development, and several other industries in present and future construction projects throughout the

The Malaysian investors belong to Noyes Holdings, which is 100% owned by Zalikh Anuar bin Muhamad, chairman and chief executive officer (CEO), deep water listed agribusiness, a 100% Muslim and Christian corporate system primarily operating in Riau Islands Province, led by Sulaiman Ibrahim, chairman, Al-Habib, hotel chairman, and Syed Farid bin Syed, CEO of Al-Ghofil A/S Bhd (AGB Bhd), hotel chain.

The MAFRAZ group visited  
Cairo City and Misratah  
Province in the Autonomous Region  
of Maghrib Misraha (M.R.M.) last  
September 2-3-4 where they were  
warmly received by Regional  
Assembly Speaker Mansur and  
Autonomous Administration Leader  
of Sufi, Dr. Hashim Uy and Prof.  
Ghassan Abu-Samra, Minister of Social Affairs.

The meeting will take place at the Hotel Savoy in Paris on September 19 to 21, 1953 to form an appropriate non-governmental committee with the intention of Action, Rome, to define and propose a programme of action. Sponsored by Unesco, United Nations & Action. The meeting



—  
—  
—  
—  
—

**WALAJA'S** corporate managers and by Walaja Holdings during the signing of a memorandum of agreement on the chairman deal (S.E.C. Press Release, Manila Stock Exchange, 1998).

ATR-PRF and p-  
nitroanisole will be  
studied.

The Philippines - purpose of possibly 10% of the assets of the Philippine Ad-Hoc with Islamic Investment Bank.

→ Good reason given ... → good answer  
→ bad reason given ... → bad answer

1962-1963 Annual Report

with Galaxy Central Information Services on the

the 1990s. The  
second  
decade  
will be  
one of  
transition,  
as new  
institutions  
begin to  
emerge.  
The  
third  
decade  
will be  
one of  
consolidation,  
as  
new  
institutions  
begin to  
take  
shape.  
The  
fourth  
decade  
will be  
one of  
maturity,  
as  
new  
institutions  
begin to  
become  
fully  
functional.

earns \$100-million in armed Philippine assets, about 45 planes, for RA. Depple, director, ASIS; Zack R. Sauer, senior vice president and controller, Bausch & Lomb; chairman and CEO, Optical Services Inc.; and chairman of the board, Inc., chairman of Asia HealthCare.


for an additional 1000 participants for the AFP-  
Duffy Cluster Study.

center will monitor the government's peace and transition efforts in Mindanao. It will also assist the Mindanao and Cebuano minorities. It will also help in accelerating the Philippines' goal of achieving 100 percent by the year 2000, they said.

Keratan akhbar Filipina.

## **2**

# Pandangan umum menyebelahi siapa?



**K**ALAU taqdirnya pemilihan UMNO kali ini dijalankan bukan dalam bentuk perlawanan tetapi berdasarkan pertandingan, iaitu dalam suasana ‘sporting’ dan ‘gentleman’, dengan hanya menyerah kepada kebijaksanaan para pengundi menilai penglibatan kedua tokoh berasaskan kemampuan, lamanya berkhidmat, kewibawaan masing-masing, tanpa menggunakan pengaruh wang, tak-tik kotor seperti menghina mana-mana pihak, maka banyak pihak akan menyokong Encik Ghafar. Terutamanya golongan veteran dan *grassroots* dalam UMNO. Kecuali pendatang-pendatang baru yang didatangkan oleh Brother Anwar dari ABIM dan PAS.

Brother Anwar sedar hakikat ini. Dan dia berjaya mengatasi pengaruh secara ‘nature’ itu dengan menggunakan jalan-jalan yang tidak ‘gentleman’. Ertinya, hati kecil Brother Anwar sendiripun mengakui kalau perlawanan itu dijalankan secara pertandingan, iaitu secara ‘sporting’ dan ‘gentleman’, beliau akan kalah. Begitulah keadaan kebanyakannya ahli-ahli UMNO kalau tidak digugat oleh kempen-kempen tidak sihat dan pengaruh wang.

Jika ditinjau dalam skop yang lebih luas, iaitu di kalanngan rakyat Malaysia, sama ada rakyat jelata, pegawai kerajaan, jemaah-jemaah Islam atau parti-parti politik yang

### **Kesan Selepas Perhimpunan**

ada di Malaysia, pengaruh Encik Ghafar masih mengatasi Brother Anwar.

Perinciannya begini: Semangat 46 tidak sokong Brother Anwar. Sebab sejak dulu Ku Li memang akrab dengan Encik Ghafar. Darul Arqam tidak menyebelahi Brother Anwar. Pas, golongan Tuan Guru Nik Aziz yang lebih kuat pengaruhnya tidak menyokong Brother Anwar. Kecuali golongan Ustaz Fadhil Noor yang sedikit. DAP menolak Brother Anwar. Begitu juga Pairin dan gengnya dalam PBS, walaupun menyatakan kesediaannya menerima Anwar tetapi keikhlasannya masih boleh dipertikaikan. Di kalangan pegawai-pegawai kerajaan, berdasarkan pergaulan saya menjelang perhimpunan, saya kira 80% menyokong Encik Ghafar.

Jadi berdasarkan hujah ini, walaupun sekiranya En. Ghafar telah menarik diri tetapi majoriti rakyat masih berada di belakangnya. Sebaliknya, walaupun Brother Anwar menang, tetapi rakyat secara majoriti tidak menyokongnya. Kalau begitu, hakikatnya Brother Anwar 'kalah' dalam kemenangan, Encik Ghafar menang dalam kekalahan. Berdasarkan bilangan hati, Encik Ghafar menang, berdasarkan bilangan jari, dia kalah.

Mengikut tradisi dalam UMNO, siapa yang menjadi Timbalan Presiden, diterima secara automatik menjadi Timbalan Perdana Menteri. Dan bila kerusi PM yang diduduki oleh Datuk Seri Dr. Mahathir sekarang kosong, sama ada beliau mengundur diri atau diundurkan (rasanya PM akan terus sihat dan masih dipanjangkan umur oleh ALLAH), maka sudah tentulah Brother Anwar yang menang kerusi Timbalan Presiden akan menjadi PM. Begitulah mengikut tradisi yang lepas-lepas.

Tetapi mengikut analisa saya berdasarkan pandangan golongan cerdik pandai dan golongan kerohanian, 'line' yang telah diperolehi oleh Brother Anwar itu tidak akan mem-

### **pandangan Umum Menyebelahi Siapa?**

bawanya kepada jawatan PM. Tradisi UMNO akan dirombak kali ini. Dan walaupun ‘line’ ke arah itu sudah tidak ada bagi Encik Ghafar, tetapi besar kemungkinan Encik Ghafar masih ada harapan menggantikan Dr. Mahathir. Menurut mereka Encik Ghafar masih ada peluang menjadi PM walaupun beliau melepaskan kerusi Timbalan Presiden UMNO. Menurut mereka lagi, walaupun sekejap, Encik Ghafar akan jadi PM, insya-ALLAH.

Apa yang saya tulis ini selain merupakan pandangan saya sendiri, telah dipadankan dengan pandangan golongan kerohanian. Kalau hendak dinilai secara rasional, memang payah diterima. Begitulah rasminya hal-hal yang ghaib atau *khawariqul ‘adah*, memang payah hendak dirasionalkan. Ia berlaku di luar lojik.

Namun begitu jika kita tinjau pandangan cerdik pandai, terutamanya mereka yang tidak terpengaruh oleh mainan media massa atau pengaruh wang, pandangan di luar lojik ini masih ada munasabahnya. Kejayaan Brother Anwar mendapat tiket untuk menduduki kerusi Timbalan Presiden UMNO bukanlah satu jaminan untuk beliau menjadi PM. Brother Anwar sekalipun taqdirnya menduduki kerusi Timbalan Presiden UMNO, tetapi beliau tidak akan menjadi PM.


Oleh itu sekali lagi saya tegaskan, walaupun Encik Ghafar tidak terpilih semula menjadi Timbalan Presiden, beliau akan naik juga menjadi PM... walaupun sekejap.

Apa buktinya? Ikutilah hujah-hujah saya dalam bab seterusnya!



Orang Arqam bersembahyang jemaah bersama Brother Anwar (tiga dari kiri) sewaktu dijemput ke rumahnya untuk membaca surah Yassin dan bertahlil menjelang pertandingan jawatan Naib Presiden UMNO tahun 1990. Brother Anwar menang dengan undi terbanyak.

# **3** Ghafar iadi PM



 OLONGAN 'grassroots' dalam UMNO seperti yang saya nyatakan sebelumnya, masih ramai menyokong Encik Ghafar. Begitu juga golongan veteran, majoritinya tetap menyokong Encik Ghafar. Sebab itu tidak hairan, jika ramai ketua bahagian daripada golongan veteran (sesetengahnya terdiri daripada wakil rakyat) tewas dalam pemilihan ketua bahagian kerana mereka dicap sebagai '**orang Ghafar**'.

Golongan veteran ini telah disapu bersih oleh orang-orang Brother Anwar. Kekalahan Encik Ghafar dan 'orang-orang'nya ini menimbulkan rasa tidak puas hati kerana mereka merasakan kekalahan itu bukan disebabkan ahli UMNO tidak menerima mereka tetapi kerana merasakan mereka telah menjadi mangsa politik wang dan permainan kotor.

Orang-orang Ghafar termasuk beliau sendiri sedar mainan politik pihak lawan. Malah mereka mempunyai bukti bagaimana wang telah digunakan dalam mempengaruhi pencalonan jawatan Timbalan Presiden di bahagian-bahagian UMNO. Di Sabah contohnya, Encik Ghafar terus-terang mendakwa bahawa anggota-anggota bahagian UMNO di negeri tersebut telah 'dibeli' oleh Brother Anwar. Ini sekadar contoh. Banyak lagi contoh yang tidak dilaporan. Malah terdapat berita tentang adanya unsur-unsur

ugutan dalam pencalonan kali ini.

Tetapi sekali lagi keadaan tidak menyebelahi Encik Ghafar kerana semua ini tidak boleh dibawa ke pengadilan kerana perlombagaan UMNO telah melarang anggota-anggotanya membawa masalah ‘rumahtangga’ UMNO ke mahkamah. Apa yang masih tinggal ialah rasa dendam yang membara. Dendam mereka ini tidak akan tamat dengan tamatnya perhimpunan. Api dendam itu akan terus menyala nyala selepas selesai perhimpunan. Hati yang begitu dilukakan tidak akan dapat disatukan lagi selepas ini.

Kalau begitu, majoriti penyokong Encik Ghafar akan merasa sangat kecewa. Mereka kecewa kerana tewas akibat permainan politik kotor. Mereka kecewa dengan Dr. Mahathir atas sifatnya sebagai ketua parti tetapi gagal menyelesaikan masalah ini. Kekecewaan-kekecewaan ini akhirnya menyebabkan mereka patah hati dengan parti dan merasakan parti tidak berguna lagi buat mereka.

Di pihak penyokong Brother Anwar pula, mereka sebenarnya bukanlah menyokong dari hati, tetapi hanya untuk ambil hati setelah mendapat habuan (wang atau lain-lain kepentingan). Begitulah sikap orang yang tidak punya prinsip. Mereka bukan fikir sangat nasib parti. Siapa menang, siapa kalah pun mereka tidak peduli. Yang penting siapa dapat memberi keuntungan, dialah yang mereka sokong.

Walaupun hati kecil mereka adakalanya menyebelahi pihak lain (Encik Ghafar), tetapi pendirian itu sangat rapuh. Inilah juga psikologi kebanyakan masyarakat umum. Mereka ini kebanyakannya tidak punya cita-cita atau prinsip perjuangan. Kalaupun ada sedikit-sedikit kasih sayang kepada ‘orang tua’ Ghafar, tetapi itu dengan mudah dikorbankan bila berdepan dengan ganjaran material yang sudah terhidang di hadapan mata.

Oleh kerana golongan ini bukan menyokong Brother Anwar dari hati, kemenangan Brother Anwar bukanlah se-

suatu yang patut mengembirakannya. Sokongan yang bukan dari hati tidak akan berkekalan. Brother Anwar sendiri, saya rasa sedar bahawa tidak ada jaminan buatnya akan disokong sepanjang masa. Kebanyakan hati ‘penyokong-penyalokong’ Brother Anwar masih ada dengan Encik Ghafar.

Ini menunjukkan penyokong Brother Anwar yang telah memberi kemenangan kepadanya, sebenarnya tidak memikirkan soal parti. Mereka ini hanya memikirkan kepentingan diri, tidak pentingkan prinsip parti. Hakikatnya mereka ini bukan orang Anwar dan bukan juga orang Ghafar. Siapa menang, siapa kalah, mereka tidak kira. Tetapi siapa yang dapat memberi keuntungan, dialah yang mereka sokong. Mereka bukan pejuang UMNO sejati tetapi pejuang kepentingan diri dengan memperalatkan UMNO.

Kalau begitu halnya, jelaslah kedua-dua golongan (penyokong Dato' Seri Anwar dan penyokong Encik Ghafar) pada hakikatnya sudah sama-sama tidak begitu mementingkan parti. Kedua-duanya akan bersikap acuh tak acuh terhadap parti selepas pemilihan nanti. Ini menjadikan parti yang wujud seperti tidak wujud lagi. UMNO akan terumbang-ambing. Tidak ada lagi mereka yang benar-benar rela sehidup semati dengannya.

Terhadap golongan yang menyokong Brother Anwar, kita merasa pelik kerana dalam keadaan pencalonan dari bahagian-bahagian UMNO menyebelahi calon *favorite* mereka dahulu, mereka seperti belum yakin Brother Anwar akan menang. Justeru itu mereka terus-terusan mencuba untuk membuat Encik Ghafar merasa tertekan lalu menarik diri dari mempertahankan kedudukannya. Tetapi sekarang setelah Encik Ghafar menarik diri mereka masih terus bimbang. Apa pula strategi Encik Ghafar akan datang? Soalnya, kenapa mereka masih ragu tentang kemenangan calon mereka dulu kalau benar Bahagian-Bahagian UMNO secara majoritinya memang menyokong Brother Anwar un-

dalam keadaan inilah. Iaitu pada ketika majoriti orang UMNO tidak berjiwa parti lagi. Hakikatnya Brother Anwar naik ke kerusi PM tidak melalui parti.

Kalaulah begitu keadaannya, mampukah Brother Anwar secara lahir ataupun batin (psikologi) berperanan selaras dengan jawatan yang dimenangginya? Sedangkan beliau sendiri sedar bahawa pada ketika itu majoriti orang UMNO tidak benar-benar menyokongnya?

Dan dia juga sedar betapa rakyat umum masih meletakkan hati pada Encik Ghafar. Mahu dan mampukah beliau bekerja dengan 'robot-robot' yang tidak mempunyai hati dan perasaan terhadapnya?

Jika ini terjadi, **dua** perkara ini mungkin berlaku:

**1. Kedudukan Anwar akan dipertikaikan dan Encik Ghafar akan dilantik menjadi PM**

Kedudukan Brother Anwar akan dipertikaikan terutamanya bila orang ramai sedar akan hakikat bahawa naiknya beliau tidak akan membawa parti dan kerajaan ke mana-mana, kerana rakyat termasuk orang UMNO sendiri, tidak sepenuhnya memberi kerjasama kepada beliau. Mendapat

undi untuk kemenangan mudah, tetapi mendapat sokongan fikiran, jiwa dan tenaga untuk mengisi kemenangan dan bekerja membina negara, itu yang payah. Lebih-lebih lagi dalam keadaan mencabar. Seorang PM mesti mendapat sokongan semua pihak. Apakah Brother Anwar akan terumbang-ambing seorang diri untuk memikirkan masalah-masalah negara kerana tidak ramai yang benar-benar dapat menghayati aspirasi dan 'style' kepimpinannya?

'Gap' yang besar akan terjadi antara beliau dan ahli-ahli parti setelah kepimpinan negara terserah sepenuhnya kepadanya. Sewaktu beliau 'dicerakkan', orang mungkin mampu mengikutnya, tetapi bila beliau sendiri mencorakkannya, apakah ahli UMNO boleh dan mahu mengikutnya?

Begitu juga dengan kepimpinan 'pembantu-pembantu' Datuk Seri Anwar seperti Tan Sri Muhammad Muhd Taib, Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Rahim Thamby Chik dan Tan Sri Muhyiddin Yassin. Apakah mereka faham betul dengan 'perubahan' yang dilaungkan itu? Katalah perubahan yang dikehendaki Brother Anwar benar-benar Islamik, tahukah orang-orang kanannya tentang nilai-nilai Islamik itu? Jika tahu, mahukah merubahnya? Jika mahu, mampukah merubahnya?

Bolehkah negara diubah sekelip mata kepada Islam kerana perubahan itu mesti dimulakan dulu pada diri, keluarga, rumahtangga dan masyarakat pemimpin?

Brother Anwar perlukan sokongan yang mantap untuk tugas besar ini. Dan beliau perlukan orang yang bukan sahaja telah memastikan kemenangannya tetapi yang lebih penting lagi *consistent* (istiqamah) sealiran fikiran, sehati sejiwa dan sanggup bersusah payah dalam menghadapi apa jua masalah.

Jawatan kepimpinan umpama sebidang tanah. Untuk mendapatkannya mudah. Tetapi untuk mengusahakannya

yang payah. Bukan satu kerja mudah untuk menanam pokok, membajainya, menjaganya agar tidak dimusnahkan oleh musuh, dan akhirnya barulah berbuah. Begitulah satu-satu jawatan, mudah mendapatkannya. Tapi payah melaksanakan amanahnya.

Jika masalah ini tidak diatasi, jentera pentadbiran pemerintah tidak akan stabil dan atas dasar itu kedudukan Brother Anwar akan dipertikaikan. Dan akhirnya besar kemungkinan UMNO, secara rela atau terpaksa, mengambil semula Encik Ghafar sebagai PM.

## **2. Anwar akan meletakkan jawatan**

Jika Anwar diizinkan juga naik ke jawatan PM, namun akhirnya beliau sendiri terpaksa meletakkan jawatan setelah menyedari bahawa beliau tidak mendapat kerjasama yang padu dari semua pihak untuk memimpin negara.

Melihat penyokong-penyokong Brother Anwar sekarang, saya rasa beliau kekurangan ‘kualiti’ pembantu-pembantu yang saya maksudkan itu. Beliau cuma ada peminat, bukan penyokong. Kawan ketawa memang ramai, kawan menangis sukar dicari. Dan Brother Anwar sebagai pemimpin terpaksa melalui zaman ketawa dan menangis.

Kalau ada satu dasar baru yang hendak dilaksanakan nanti, terutamanya kalau dasar-dasar itu sedikit kontroversi, tentulah beliau dicabar. Apakah orang-orang yang menyokongnya sekarang akan terus mempertahankannya?

Brother Anwar tentunya bijak memikirkan kemungkinan-kemungkinan ini dan beliau saya kira akan membuat satu keputusan yang tepat setelah menyedari hakikat sebenar. Beliau tentunya bijak untuk tidak menjadikan dirinya sebagai ‘king without kingdom’.

# **4**

## Rintihan ahli UMNO



**K**EKECOHAN dalam politik Malaysia tidak akan reda sekalipun selepas Perhimpunan Agung UMNO 4 November ini. Bahkan kekecohan sebenarnya baru bermula selepas tarikh itu. Inilah akibat langsung daripda pemilihan yang sepatutnya dijalankan atas dasar pertandingan, telah bertukar menjadi satu perlawanan.

Dan dalam perlawanan ini, berbagai strategi dan taktik kotor telah digunakan untuk mengalahkan pihak lawan tanpa mengira peraturan dan adab-adab pertandingan. Pihak yang menyerang, menyerang secara keterlaluan. Sementara pihak yang diserang terpaksa bertahan mati-matian dalam batas-batas yang terhad. Walaupun 'perang' telah tamat tetapi luka-luka yang dialami terlalu banyak. Hingga menimbulkan dendam untuk 'berperang' lagi.

Akibatnya, banyak sungguh aib dan keburukan terdedah. Perbuatan ini samalah seperti menepuk air di dulang, terpercik ke muka sendiri. UMNO juga yang menanggung malunya. Bukan sahaja malu kepada pihak pembangkang dan rakyat jelata tetapi juga kepada anggota-anggota bawahan yang ikhlas memperjuangkan nasib parti.

Sedangkan pergeseran dalam rumah tangga UMNO itu sepatutnya menjadi ribut dalam cawan sahaja. Malangnya kerana api kemarahan sudah tidak dapat dikekang, rasa ta-

### **Kesan Selepas Perhimpunan**

mak dan ego telah memuncak, ribut dalam cawan sudah bertukar menjadi taufan di lautan. Sakit-sakit hati dalam pertandingan masih boleh diubat lagi kerana "mencincang air tak kan putus", tetapi kalau luka hati dalam perlawanan tidak semudah itu mengubatnya. Berputus arang berkerat rotanlah akibatnya!

Justeru itu kini hati nurani ahli-ahli UMNO akan mula bertanya ke mana perginya slogan kepimpinan melalui teladan? Ke mana perginya prinsip bersih, cekap dan amanah? Jika semua itu benar-benar menjadi pegangan, mengapa pemimpin-pemimpin bercakaran? Mengapa politik wang berlaku? Begitulah rintihan rasa ahli-ahli UMNO.

Oleh itu pada jangkaan saya, akibat daripada pertandingan kali ini orang-orang UMNO akan mula meragui dasar perjuangan mereka. Boleh jadi selepas ini orang-orang UMNO akan merasai bahawa UMNO bukan lagi landasan sebenar untuk memilih pemimpin yang sejati. UMNO dirasakan sudah terlalu kotor, bukan sahaja oleh orang luar, malah oleh ahli-ahlinya sendiri.

Setiap manusia sukakan ketenangan, keadilan dan kedamaian. Ahli-ahli UMNO tidak akan rela krisis dan pergeseran berpanjang. Ini adalah fitrah semulajadi manusia yang semua orang (termasuk ahli-ahli UMNO) tidak dapat lari darinya. Jika semua itu terus berlaku, mereka tidak akan teragak-agak lagi meninggalkan UMNO. Atau sekurang-kurangnya teraba-raba mencari alternatif baru.

Dalam sebuah keluarga yang kucar-kacir, yang mana ibu dan ayah selalu bergaduh, anak-anak akan lari meninggalkan rumah. Anak-anak suatu hari nanti akan bosan juga melihat ibu ayah tak habis-habis bergaduh.

Begitulah ahli-ahli UMNO ketika menghadapi perbalahan sesama pemimpin mereka. Ramai yang akan 'frust' melihat 'orang tua-tua' mereka berkrisis. Mereka tidak akan

### Rintihan Ahli UMNO

sanggup lagi berdepan dengan ketegangan, kecam-mengecam, hina menghina yang sangat bertentangan dengan fitrah semulajadi manusia. Mereka merintih menginginkan perdamaian, kesejahteraan dan kasih-sayang.

Saya rasa akan berlaku satu **perubahan drastik** pada sikap ahli-ahli terhadap parti yang akan menyebabkan UMNO berada di ambang kehancuran. Ahli-ahli UMNO yang telah insaf akan mula mempersoalkan kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir atas ketidakupayaannya mengawal disiplin pemimpin-pemimpin kanan parti hingga mengakibatkan berlakunya pertandingan yang sengit ini. Orang-orang UMNO akan merasa kesal, mengapa Presiden parti tidak dapat mendisiplin ahli hingga mengakibatkan ramai tokoh-tokoh penting UMNO terpelanting disebabkan pertarungan yang tidak ‘gentleman’ itu.

Sedangkan tokoh-tokoh yang dicap sebagai ‘orang Ghafar’ itu hakikatnya adalah ahli UMNO juga. Bahkan ada di antara mereka yang telah banyak berjasa dan masih berupaya memberi khidmat kepada rakyat melalui jawatan dalam kerajaan atau parti. UMNO sesungguhnya, masih memerlukan mereka.

Ahli-ahli UMNO akan kesal dan mengeluh mengapa perlawanan semacam itu tidak dielakkan? Kerana mereka melihat tidak ada siapa dapat manfaatnya sekalipun pihak yang menang. Apa ertinya mempertahankan demokrasi kalau parti telah hancur? Dan apakah pemilihan kali ini benar-benar demokratik? Bukankah pemimpin UMNO juga pernah mempertikaikan beberapa prinsip dalam sistem demokrasi Barat yang dikatakan tidak serasi dengan selera Malaysia?

Jika dari dulu lagi wibawa Presiden memang dihormati, tentu nasihatnya agar jawatan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan, akan dipatuhi. Tapi mengapa tidak ada kepatuhan? Atau, kalaupun pertandingan terpaksa juga dijalani-

### **Kesepakatan Selepas Perhimpunan**

kan, tentulah sekurang-kurangnya Dr. Mahathir mampu memastikannya berlaku dalam suasana aman, damai dan penuh persaudaraan.

Alangkah baiknya jika Dr. Mahathir dapat bertindak sebagai ayah untuk melerai dan mendamaikan pergeseran di kalangan anak-anaknya. Tidaklah anak yang sulung dibuli oleh anak bungsu semahu-mahunya dengan bantuan adik-beradik yang lain. Ahli UMNO tentu gembira jika 'ayah' mereka (Dr. Mahathir) mampu melerai dan mendamaikan pertikaian anak-anak buahnya, bukan sekadar berkecuali seperti yang selalu diulang-ulangnya.

Ketidakupayaan Presiden ini bukan sahaja membuka mata orang-orang UMNO tetapi juga rakyat jelata. Mereka akan sedar betapa Dr. Mahathir semakin hilang 'control' dalam kepimpinannya. Rakyat kini bukan sahaja memerlukan pemimpin yang dapat membawa kemajuan dan pembangunan material tetapi yang lebih penting dapat membawa kedamaian, keamanan dan kesejahteraan kepada negara.

Oleh itu saya ramalkan satu tekanan tidak langsung akan dibuat oleh anggota-anggota UMNO khususnya dan rakyat umumnya, secara sihat, supaya Dr. Mahathir mengundur diri tidak berapa lama atau sejurus sahaja selepas Perhimpunan 4 November ini.

Hal ini biasa dialami oleh Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn dulu. Rakyat sudah matang menghadapinya dan saya kira ini akan berlaku secara 'nature' juga. Akibat tekanan ini, saya kira Dr. Mahathir akan mengosongkan kerusi PMnya.

Untuk itu Dr. Mahathir mungkin akan memilih salah satu daripada dua cara ini:

1. **Pertama**, kalau beliau masih cuba bertahan kerana desakan orang-orang tertentu (yang menumpang tuahnya),

atau dorongan kuat oleh isterinya, beliau mungkin diundurkan melalui satu proses undi tidak percaya.

Walaupun hal ini belum pernah terjadi dan jika terjadi merupakan suatu 'up-set' dalam arena politik Malaysia, tetapi kemungkinan untuk berlaku tidak boleh ditolak sama sekali. Malah, dalam perkampungan politik, macam-macam boleh terjadi. '*Politic is a game of possibility.*'

Sejak tahun-tahun kebelakangan inipun sudah banyak 'up-set' yang berlaku dalam politik Malaysia. Siapa sangka Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam meletakkan jawatan? Siapa sangka UMNO sebagai parti pemerintah pernah diharamkan? Siapa sangka Encik Ghafar, orang kedua terkuat selepas PM, boleh 'dipermain-mainkan' begitu oleh media?

Kalau begitu tidak mustahil proses undi tidak percaya itu boleh berlaku di dewan parlimen kerana ia sesuatu yang dibenarkan dalam sistem demokrasi Barat di dunia umumnya, dan di Malaysia khususnya.

**2. Kedua**, ada kemungkinan Dr. Mahathir sedar bahawa rakyat sudah mempersoalkan kepimpinannya dan beliau akan mengundur diri dengan cara dan alasan yang terhormat. Proses ini lebih mudah berlaku kerana 'line' ini biasa ditempuh oleh PM-PM sebelumnya. Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn pernah memberi laluan kepada pengganti-penggantinya atas alasan kesihatan dan lain-lain.

Jika Dr. Mahathir memilih cara kedua ini, proses pengunduran boleh dilakukan setelah melantik penggantinya yang dikira sesuai. Ini memang hak seorang PM seperti yang dihormati oleh tradisi.

Siapakah pilihan Dr. Mahathir? Jika beliau sayangkan UMNO, dan mahu memelihara kembali perpaduan dalam parti, saya rasa beliau akan melantik Encik Ghafar Baba,

### **Kesan Selepas Perhimpunan**

walaupun Encik Ghafar telah menarik diri dalam pemilihan Timbalan Presiden ini. Keputusan ini akan menenangkan penyokong-penyokong Encik Ghafar khususnya, dan rakyat umumnya. Encik Ghafar sejak dulu memang jadi lambang perdamaian. Melantiknya sedikit sebanyak akan memberi kedamaian.

Kalau begitu bagaimana dengan Brother Anwar?

Untuk mengatasi faktor Anwar, Dr. Mahathir mungkin memujuknya supaya berkompromi. Brother Anwar akan diminta supaya mengalah sedikit. Atas alasan, dalam parti Brother Anwar sudahpun dapat menduduki kerusi Timbalan Presiden yang diidam-idamkannya, biarlah dalam negara jawatan PM diserahkan kepada Encik Ghafar pula. Ini langkah bijak demi perpaduan parti. Saya rasa mungkin Brother Anwar akan akur dengan kompromi ini demi meredakan pergolakan politik dalam UMNO yang jika tidak dikawal akan jadi semakin panas.

Tetapi sebaliknya jika Dr. Mahathir masih terus memilih Brother Anwar, berdasarkan kejayaannya merebut jawatan Timbalan Presiden, saya kira inilah yang dinanti-nantikan oleh Brother Anwar. Beliau tidak akan lepas peluang. Sesuai dengan cita-citanya, Brother Anwar pasti menerima.

Selepas dilantik menjadi PM, Brother Anwar tentu akan mula menyusun menteri-menteri kabinetnya. Pada ketika itulah beliau akan menghadapi dilema. Siapa yang akan dipilih untuk menganggotai kabinet barunya? Apakah Brother Anwar yakin dengan penyokong-penyokong ‘instant’nya yang mengelilinginya sekarang?

Mengikut perkiraan saya, Brother Anwar tidak benar-benar yakin dengan tokoh-tokoh yang menjadi *teamnya* sekarang. Mereka memang perlu sewaktu Encik Ghafar hendak dikalahkan, tetapi masih perlukah mereka setelah Encik Ghafar meletakkan jawatan TPM dan menarik diri?

Ini satu persoalan besar buat Brother Anwar.

Malah sesetengah mereka punya masalah sendiri yang boleh menyusahkan beliau nanti. Sesetengahnya pula tidak ada wibawa, ketrampilan dan lain-lain kualiti kepimpinan. Cuma kebetulan mereka itu bersatu *team* dengannya. Malah lebih serius lagi, ada juga yang diragui kesetiaannya. Dalam politik, berbagai-bagai hal boleh terjadi; hari ini jadi kawan, esok jadi lawan, lusa jadi kawan semula.

Brother Anwar juga sedar, mereka ada kepentingan terhadapnya seperti mana juga beliau ada kepentingan terhadap mereka. Sebelum kemenangan, gol Anwar dan gol mereka memang sama tetapi selepas menang, masing-masing ada gol tersendiri. Kerana itu saya jangka, Brother Anwar akan mula mengambil "pemimpin-pemimpin import" dari ABIM atau PAS yang memang sudah sedia menyeberang jambatan jika beliau menang.

"Pemimpin-pemimpin import" inilah yang akan dipilih kerana mereka lebih diyakini oleh Brother Anwar daripada pemimpin-pemimpin UMNO yang menyokongnya sekarang.

Tindakan Brother Anwar itu nanti akan mengundang risiko yang sangat tinggi. Sikap beliau mengutamakan tokoh-tokoh 'UMNO-ABIM' dan 'UMNO-PAS' sebagai anggota kabinetnya, akan menggelisahkan tokoh-tokoh UMNO sejati. Mengapa selepas menyeberang, tongkat dicampakkan? Akibat itu, ada kemungkinan beliau akan disingkirkan oleh orang-orang UMNO yang dikecewakaninya. Tangan yang menaikkan beliau sekejap masa dulu, tangan itulah juga yang akan menjatuhkannya nanti.

Ada satu cara lagi bagaimana kemungkinan Brother Anwar akan jatuh iaitu selepas perhimpunan nanti penyokong-penyokong Encik Ghafar yang kalah menjadi begitu sakit hati akibat dihina-hina. Mereka ini, bukan sahaja ma-

### **Kesan Selepas Perhimpunan**

rahkan Brother Anwar, tetapi akan terus hilang keyakinan terhadap parti. Mereka ini benar-benar tawar hati terhadap UMNO. Tetapi itu bukan bererti mereka hilang terus semangat perjuangan. Mereka adalah golongan veteran dan *grassroots* yang telah melalui zaman jatuh-bangun bersama UMNO dan komitmen mereka terhadap UMNO sudah diuji.

Saya sempat bertemu dengan beberapa orang daripada mereka. Saya dapati semangat perjuangan mereka tidak luntur walaupun mereka telah kalah. Saya rasa mereka akan terus berjuang untuk membela nasib orang-orang Melayu.

Pada mereka jika UMNO tidak lagi boleh dijadikan wadah perjuangan itu, satu alternatif baru mesti dicari. Walau macamanapun berjuang tetap berjuang. Saya rasa ada kemungkinan mereka akan keluar parti dan bergabung dengan parti pembangkang (boleh jadi dengan Semangat 46 atau mungkin dengan parti-parti lain) untuk membentuk satu barisan baru atau parti baru untuk menentang UMNO dalam pilihanraya akan datang.

Mungkin inilah satu cara yang paling demokratik dan paling sesuai dengan undang-undang buat mengembalikan semula UMNO kepada landasan perjuangan yang sebenar setelah gagal membaikinya dari dalam. Mereka ini sebenarnya keliru dengan isi perjuangan UMNO akhir-akhir ini. Apakah UMNO telah di-ABIMkan, atau ABIM telah di-UMNOkan— atau parti politik jadi bentuk baru yang UMNO pun tidak, ABIM pun tidak.

Cara lain bagaimana Brother Anwar boleh diundurkan ialah melalui **usul undi tidak percaya terhadapnya di parlimen**. Hal yang seumpama ini lojik berlaku, kerana ia pernah dicuba oleh Lim Kit Siang terhadap Encik Ghafar Baba sedikit masa dulu. Senjata ini juga boleh ditujukan kepada Brother Anwar jika beliau tidak berhati-hati.

### **Rintihan Ahli UMNO**

Cara ini boleh dilakukan oleh ahli-ahli parlimen dari UMNO yang berpihak kepada Encik Ghafar (yang kebanyakannya telah kalah dalam pertandingan ketua-ketua bahagian) secara bergabung dengan ahli parlimen parti pembangkang untuk mengajukan usul undi tidak percaya terhadap Brother Anwar di parlimen.

Sifir mudahnya begini: Katalah ada 30 ahli parlimen UMNO (daripada 77 orang) menyokong usul undi tidak percaya kepada Brother Anwar ditambah oleh 7 ahli parlimen dari PAS, 20 dari DAP, 7 dari Semangat 46. Jumlahnya sudah 64. Ini bukan calang-calang kekuatan kerana jumlah undi ini sudah mampu menimbulkan kesangsian terhadap kepimpinan Brother Anwar. Sekaligus menafikan majoriti 2/3 kerajaan seperti yang dibangga-banggakan oleh UMNO dalam Pilihan Raya Umum yang lalu. Ini belum dikira undi dari ahli parlimen MIC, MCA dan lain-lain komponen BN yang mungkin masih memberi hati kepada Encik Ghafar kerana mengenang jasa-jasa beliau bukan saja dalam UMNO tetapi juga BN dan negara selama ini.

Mungkin untuk mengelakkan ini siapa tahu Brother Anwar mungkin cuba berbaik-baik dengan parti pembangkang (terutama PAS golongan Fadhil Noor) untuk mengimbangi kekuatan "tokoh-tokoh" UMNO yang telah keluar dari parti? Bukan tidak ada pemimpin-pemimpin PAS yang mengidam sesuatu kalau Anwar naik menjadi TPM.


Hal seumpama ini tidak mustahil boleh berlaku terutamanya bila pihak-pihak yang walaupun berlainan ideologi tetapi rasa senasib atau punya matlamat yang sama. Waktu itu masing-masing akan mengenepikan sentimen parti untuk bersatu menghadapi satu pihak yang dianggap musuh bersama!



Encik Ghafar Baba (berdiri) sedang berucap meraikan rombongan ahli-ahli agama termasuk orang-orang Arqam di rumah beliau selepas perlantikannya sebagai TPM. Hubungan beliau dengan Arqam terus terjalin bila beliau menjemput mereka bertahlil sewaktu kematiian anak kesayangannya tahun 1990. Dan menjelang Perhimpunan Agung UMNO 1993, beliau bertemu Abuya Imam Ashaari At Tamimi sebanyak 2 kali.

## **5**

# Pandangan ahli-ahli kerohanian



**S**AYA rasa amat perlu memasukkan pandangan orang-orang kerohanian dalam menghadapi krisis politik UMNO sekarang. Pada saya, pandangan orang-orang kerohanian mesti diambil kira justeru pengamatan mereka lebih bersifat tersirat. Mereka ini melihat sesuatu dari mata hati, bukan sekadar mata kepala. Pandangan-pandangan mereka lebih tajam dan tepat walaupun ada masanya pandangan mereka dikira melawan arus pandangan popular dalam masyarakat.

Hati orang-orang kerohanian lebih bersih hasil perdampingan dengan Tuhan. Antara mereka ada yang dikurnikan Allah dengan mukasyafah, ada yang mendapat firasat. Tidak kurang juga yang mendapat ilham, *hatif* atau mimpi-mimpi *mubasyarah*. Mengenai ini, Rasulullah SAW sendiri bersabda:

*"Takutillah firasat orang Mukmin kerana mereka melihat dengan cahaya Allah."*

Menyedari hakikat ini saya cuba mendapat pandangan orang-orang kerohanian mengenai kes Brother Anwar-Encik Ghafar ini. Antara mereka yang saya ambil pandangannya ialah Tabib Mokhtaruddin dan Hj. Wan Mokhtar Hj. Tahir. Mereka berdua di samping orang kerohanian, mempunyai hubungan rapat dengan orang-orang politik.

### **Kesan Selepas Perhimpunan**

Tabib Mokhtaruddin seorang tabib kerohanian yang sering jadi rujukan ahli-ahli politik ketika mereka menghadapi masalah-masalah peribadi dan juga masalah-masalah kepimpinan. Hj. Wan Mokhtar pula bekas wakil rakyat di Terengganu.

Bukan setakat mereka berdua sahaja malah ramai lagi orang-orang kerohanian yang mendapat isyarat kerohanian mengenai krisis UMNO terkini. Tetapi ramai di antara mereka yang tidak mahu namanya disebutkan. Hal-hal begitu memang sudah lumrah pada orang-orang kerohanian. Mereka adalah manusia yang tidak suka publisiti.

Apa pandangan orang kerohanian dalam krisis UMNO sekarang? Mengikut pandangan mereka, **Encik Ghafar akan sempat menjadi PM walaupun sekejap**.

Dalam pertemuan antara wakil penulis dengan Tabib Mokhtaruddin di rumahnya, beliau mengulangi ramalanannya bahawa Encik Ghafar akan menang. ‘Menang’ di sini tentulah tidak bermaksud memenangi pertandingan mempertahankan jawatan Timbalan Presiden UMNO kerana Encik Ghafar telah menarik diri. Yang jelas, Tabib Mokhtaruddin meramalkan Encik Ghafar akan jadi PM.

Sekalipun Datuk Seri Anwar berjaya merebut jawatan Timbalan Presiden dan kelihatannya sedang menempuh ‘line’ menuju jawatan PM, tetapi insya-Allah Encik Ghafar masih berpeluang menjadi PM. Bagi orang-orang kerohanian ini, walau apa pun tindakan Encik Ghafar menjelang ataupun selepas perhimpunan ini, kerusi PM insya-ALLAH tetap miliknya. Malah ada pula di antara mereka yang meramalkan Datuk Seri Sanusi Junid akan berpeluang menjadi TPM.

Mereka ini nampaknya begitu yakin walaupun dari segi lojik, hal seumpama itu seolah-olah mustahil berlaku. Tetapi jika pandangan ini tepat, tidak syak lagi ia adalah ilham

### **Pandangan Ahli-ahli Kerohanian**

daripada Allah SWT. Namun ia bukan wahu sebagaimana yang diturunkan kepada nabi atau rasul melalui perantaraan Jibril, tetapi adalah rasa hati yang dicampakkan ke hati yang bersih. Mereka yang mendapatnya terdiri daripada wali-wali Allah atau setidak-tidaknya orang soleh.

Ilham kerohanian yang sebegini bukanlah satu yang aneh dalam meramalkan pimpinan sebuah negara. Bukti nya, kepimpinan **Umar Ibn Aziz**, mujaddid kurun pertama, telah diramalkan lebih awal oleh **Sayidina Umar Ibn Khattab**. Begitu juga kepimpinan **Imam Syafi'i**. Orang-orang kerohanian bukanlah mereka yang tidak ambil pusing langsung tentang kepimpinan negara tetapi mereka mempunyai pandangan tersirat yang kerap kali terlindung dari arus pemikiran biasa.

**Ibn Arabi**, seorang kerohanian bertaraf wali Allah misalnya, pernah meramalkan, "Islam di Turki akan bangkit semula selepas pemerintahan 7 Firaun". Tepat seperti yang diramalkannya, Islam kini telah bangun semula di Turki setelah berlalunya pemerintahan tujuh orang pemimpin yang anti-Islam sejak Mustafa Kamal Ataturk. Turgut Ozal, pemimpin Turki yang meninggal dunia pertengahan April 1993 lalu adalah Presiden kelapan dan di bawah pemerintahannya lah Islam mula bangkit semula di negara itu.

Ramalan kerohanian yang paling terkenal dalam sejarah ialah kepimpinan **Sultan Muhammad Al Fateh** di Konstantinopel. Kejayaan baginda menakluk kota Konstantinopel dari tangan kristian, yang kemudian ditukar nama kepada Istanbul, telah diisyaratkan oleh ilham yang dianugerahkan kepada **Syeikh Syamsudin Al Wali**, seorang ahli kerohanian Tareqat Naqsyabandiah.

Oleh itu pandangan-pandangan kerohanian ini tidak boleh dipandang sebelah mata walaupun arus pemikiran kini rata-rata mengatakan Brother Anwar akan menjadi PM.

### **Kesan Selepas Perhimpunan**

Lebih-lebih lagi mengenai Malaysia, sebuah negara di sebelah Timur yang bakal menjadi negara penting dalam kebangkitan semula Islam bertaraf Ummah. Malaysia dan soal kepimpinannya tentu sahaja mendapat perhatian khusus daripada orang-orang kerohanian. Sesuai dengan isyarat Hadis itu tentu sahaja pemimpin yang akan menerajui negara-negara Timur (termasuk Malaysia) mestilah orang yang lebih baik Islamnya atau setidak-tidaknya memberi laluan ke arah itu.

Mengikut kebiasaananya, pemimpin seumpama itu ditunjuki oleh ilham kerohanian. Bukan mengikut ukuran pencalonan manusia atau jumlah kiraan jari. Saya juga mendapat khabar yang lebih "daring", ada di kalangan mereka itu yang mendapat isyarat atau mimpi dari Rasulullah SAW bahawa Datuk Seri Anwar tidak akan dapat menjadi PM.

Seorang daripada mereka mendapat isyarat bahawa Perhimpunan Agung UMNO 1993 akan berakhir dengan kekecohan. Dia meramalkan kekecohan itu hanya dapat diselesaikan oleh orang luar daripada parti. Orang luar itu tidak terlibat langsung dengan krisis yang berlaku tetapi diberi kepercayaan untuk menyelesaikan masalah memandangkan dia mempunyai rekod bersih dan dipercayai oleh majoriti ahli UMNO.

Kalau benarlah ramalan ini, keadaan yang terjadi nanti akan mengulangi apa yang berlaku di zaman Rasulullah SAW di mana baginda diminta menyelesaikan pertelaghan antara ketua-ketua kabilah Arab mengenai siapa yang patut diberi kemuliaan untuk meletakkan semula Hajar Aswad di tempatnya. Rasulullah tidak terlibat dalam pertelaghan itu tetapi baginda diminta mengadilinya dan selepas dapat memuaskan hati semua kabilah yang terlibat, baginda lah yang kemudiannya mengangkat Hajar Aswad dengan tangannya yang mulia dan meletakkannya di tempat asalnya.

### **Pandangan Ahli-ahli Kerohanian**

Walaupun saya kira ramai yang menganggap pandangan kerohanian itu keterlaluan tetapi saya masukkan juga untuk mendapat satu kelainan dalam menganalisa sesuatu perkara. Kita jangan semata-mata bersandar kepada akal dalam membuat pertimbangan. Kuasa ALLAH hendaklah diambil kira. Bahkan itulah kuasa yang mutlak, yang tidak perlukan lojik lagi. Dan perlu diketahui, kadang-kadang ketentuan Allah mengenai perkara-perkara yang akan berlaku itu dititipkan pengetahuan mengenainya kepada hamba-hamba yang dikehendaki-Nya.

Bentuk kepimpinan Malaysia mestilah selaras dengan isyarat Hadis tentang kebangkitan semula Islam di akhir zaman yang akan berlaku dari sebelah Timur. Malaysia, sebuah negara Timur yang begitu maju dalam pengamalan Islamnya berbanding negara-negara lain, bukanlah bumi sembarangan. Ia adalah 'bumi pilihan' untuk peristiwa besar yang ada kaitannya dengan kemenangan Islam.

Untuk itu, pada saya, Malaysia akan diterajui oleh pemimpin yang benar-benar Islamik atau setidak-tidaknya sanggup memberi laluan kepada Islam. Malaysia tidak akan diserahkan oleh ALLAH kepada mereka yang tidak istiqamah dan bersifat dolak-dalik dengan hukum ALLAH.

Di Malaysia kini, menurut orang-orang kerohanian lagi, sedang berlaku satu proses di mana mereka yang dulunya begitu ghairah dengan Islam telah bertukar menjadi pentengangnya. Inilah balasan ALLAH atas kesombongan mereka sewaktu mengecam pihak-pihak yang mereka cap tidak Islamik dahulu.

Sebaliknya mereka yang dulunya bergelumang dengan dosa mula insaf dan ingin bertaubat. Mereka yang berdosa ini rasa sudah terlalu ketinggalan oleh arus kebangkitan Islam. Mereka ini rasa menyesal, bersalah dan akhirnya buat keputusan nekad untuk kembali ke pangkal jalan.

### **Kesan Selepas Perhimpunan**

Di antara dua golongan ini, siapakah ALLAH akan pilih? Saya teringat satu Hadis daripada Rasulullah SAW yang maksudnya:

*"Kejahatan yang membuat kamu sedih lebih baik daripada kebaikan yang membuat kamu takbur."*

Kasih sayang Allah akan segera beralih daripada mereka yang lalai dan tak merasa berdosa, kepada mereka yang kini ingin taubat dan selalu merasa berdosa.

Atas dasar inilah mengikut pandangan kerohanian, sesuatu yang mencarik adat (*khawarikul adah*) akan berlaku selari dengan proses di atas. Ada pihak merasakan Brother Anwar yang satu ketika dulu pernah membawa imej Islam dalam kepimpinannya, nampaknya sudah tidak istiqamah dan serius lagi untuk terus mendaulatkan Islam hingga ke hujung. Tetapi anehnya, ada pula pihak yang merasakan Encik Ghafar yang dulunya biasa-biasa sahaja dengan kebangkitan Islam, kini sudah mula menunjukkan tanda-tanda perubahan ke arah Islam.

Cara beliau menghadapi permasalahan dalam UMNO dengan menemui Abuya Imam Ashaari, menunjukkan bahawa di hatinya sudah ada keinginan pada penyelesaian secara Islam. Sebab itu beliau memilih untuk menemui tokoh ulama, tidak pergi kepada bomoh atau ahli nujum. Beliau mahukan sentuhan tokoh agama untuk mendapatkan pandangan dan nasihat. Dan dengar ceritanya, selepas menemui Abuya Imam Ashaari, beliau kelihatan lebih berhati-hati dalam bercakap dan lebih tenang.

Mengenai perubahan pada diri Encik Ghafar, akhbar *Republika*, lidah rasmi Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI), keluaran 6 Oktober lalu melaporkan:

*"...Ghafar diperkirakan akan lebih ketat dalam memperjuangkan berlakunya syariat Islam, di Negeri Jiran itu."*

### **Pandangan Ahli-ahli Kerohanian**

Ini menguatkan pandangan orang-orang kerohanian bahawa Encik Ghafar akan terpilih juga menjadi PM walau-pun pada lahirnya jalan-jalan ke arah itu sudah begitu sukar dan Encik Ghafar sendiri sudah meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri. Sayangnya saya sendiri tidak tahu apakah kayu ukur sebenar orang-orang kerohanian dalam hal ini.


Tetapi apa yang pasti tidak ada yang mustahil jika ALLAH kehendaki. Kuasa ALLAH adalah mutlak. Jika Dia hendak melakukan sesuatu, cukup hanya dengan berkata, "*Kun faya kun... Jadi maka jadilah!*"



Ada benarnya bila dikatakan bahawa rakyat inginkan perubahan dalam kepimpinan negara. Keyakinan terhadap orang-orang politik sudah semakin luntur dan rakyat mahukan kepimpinan yang di luar dari sistem politik yang ada.

**6**

## Ramalan Abuya Imam Ashaari



**U**STAZ ASHAARI MUHAMMAD, pemimpin Darul Arqam yang kini lebih dikenali sebagai **Abuya Syeikh Imam Ashaari At Tamimi** di kalangan pengikutnya yang berjumlah 10,000 orang dan para simpatinya yang berjuta itu, mula dikaitkan dengan pergolakan politik UMNO bila berita Encik Ghafar Baba menemuinya di Bangkok mula tersebar di Malaysia dan Indonesia.

Sejak tersebarnya berita itu ramai kalangan tertanya-tanya, apakah beliau sudah mahu ‘turun tangan’ dalam krisis politik sekarang? Dan jika melihat ‘Abuya’ (ayah) mereka turun gelanggang, apakah anak-anaknya (ahli Arqam) yang terdiri daripada golongan pentadbir, intelek, profesional, pertengahan dan rakyat bawahan akan turun gelanggang sama. Apakah kapasiti politik Arqam akan mengubah keadaan yang ada dengan jumlah simpatisan yang hampir 1 juta itu?

Abuya Imam Ashaari telah menegaskan bahawa beliau tidak akan terlibat dalam politik berpilihanraya ala Barat. Minda politiknya sudah disampaikannya kepada masyarakat secara sistematik dalam buku-bukunya yang berjumlah 62 buah itu. Ada secara khusus, seperti buku *Meninjau Sistem Pemerintahan Islam* (1993) dan *Ke Arah Membangunkan Masyarakat dan Negara Islam* (1981). Dan ada secara

### **Kesan Selepas Perhimpunan**

umum, iaitu dalam tajuk-tajuk kecil dalam buku-bukunya yang lain.

Menurut pandangan saya, Abuya Imam Ashaari tetap tidak akan berpolitik mengikut sistem yang ada ini. Tetapi sebagai orang Islam lebih-lebih lagi seorang pemimpin jemaah yang semakin berpengaruh di Malaysia, beliau mesti ambil tahu tentang perkembangan politik semasa tanah air secara khusus dan politik dunia secara umum. Beliau tentunya tidak boleh pejam mata dengan pergolakan politik negara dan dunia. Beliau tentu sangat prihatin tentang apa saja perkembangan politik terbaru, kerana usaha menegakkan Islam mesti mengambil kira hal-hal yang ada kaitannya dengan rakyat, khususnya Melayu Islam di negara ini.

Selain daripada melihat pergolakan politik dari dekat, Abuya Imam Ashaari At Tamimi juga mempunyai pandangan-pandangan yang tersendiri. Beliau juga punya ramalan-ramalan tersendiri terhadap masa depan politik dan ahli politik di Malaysia.

Pada kali ini, Abuya Imam Ashaari At Tamimi **memrakalkan Encik Ghafar Baba masih punya harapan untuk menjadi PM** sekalipun beliau telah menarik diri daripada pertandingan dan telah meletakkan jawatan sebagai TPM. Ini saya kira suatu ramalan yang melawan arus dan sukar dilojikkan berdasarkan kedudukan dan suasana yang ada.

Tetapi apa yang menarik bagi saya, sepanjang mengikuti ramalan-ramalan beliau, sejak dahulu ramalan-ramalannya banyak yang tepat. Sayangnya ramalan-ramalan itu tidak pernah dilaporkan oleh media massa dan bagi beliau sendiri, itu lebih bersifat peribadi. Kalau adapun hanya diberitahu kepada pengikut-pengikutnya yang rapat.

Namun kali ini saya rasa, ramalan-ramalan beliau mesti diketengahkan supaya pandangan beliau sebagai pemimpin

yang semakin luas pengaruhnya di kalangan rakyat dapat dinikmati bersama. Ini akan menambahkan lagi khazanah bahan berfikir rakyat untuk menganalisa sesuatu isu melalui platform berlainan. Tentunya menarik, memandangkan Abuya Imam Ashaari At Tamimi sudah tentu punya kayu ukur tersendiri, yang berbeza daripada pandangan-pandangan biasa.

Di sini suka saya senaraikan beberapa ramalan beliau yang terbukti telah berlaku:

### **1. Perang Teluk akan berterusan**

Dalam bukunya, *Perang Teluk: Islam Akan Kembali Gemilang*, beliau meramalkan bahawa Perang Teluk akan berpanjangan. Terbukti, walaupun Iraq telah dikeluarkan dari Kuwait, ia masih terus diserang oleh Amerika. Bagdad telah beberapa kali dibom oleh Amerika dalam missinya membunuh Saddam Hussein. Kapal terbang Amerika juga telah beberapa kali mengebom kawasan-kawasan Selatan Iraq yang kononnya untuk melindungi orang-orang Kurdi. Hingga kini, Iraq terdedah kepada serangan Amerika bila-bila masa. Keadaan masih tegang dan pihak Iraq masih menganggap mereka sedang berperang dengan Amerika. Ini menunjukkan ramalan Abuya Imam Ashaari At Tamimi ada kebenarannya.

### **2. Perubahan ke arah Islam di Indonesia akan dimulakan dari atas (pemerintah)**

Tiga tahun yang lalu, Abuya Imam Ashaari telah meramalkan bahawa kebangkitan Islam di Indonesia akan dimulakan dari atas, tidak seperti di Malaysia yang bermula dari bawah. Ketika itu beliau menegaskan bahawa Bapak Suharto akan menerima minda Islam dan satu perubahan yang bermula dari kerajaan akan turun kepada rakyat secara

menyeluruh. Ini satu proses yang berbeza dengan Malaysia, yang mana perubahan ke arah Islam di kalangan rakyat dari bawahlah yang menyebabkan kerajaan berubah ke arah yang sama.

Pada waktu itu, ramalan beliau dianggap tidak munasabah malah ada sesetengah pihak yang memustahilkannya, memandangkan sikap negatif Presiden Suharto terhadap gerakan-gerakan Islam satu ketika dulu. Namun kini, hakikat bahawa Suharto telah berubah kepada Islam disambut gembira oleh rakyat Indonesia khususnya dan Muslim ASEAN amnya.

### **3. Negara-negara Khurasan telah terbuka**

Abuya Imam Ashaari At Tamimi yakin dan selalu menegaskan bahawa Islam di akhir zaman akan bangkit semula. Kebangkitan Islam ini, menurutnya, akan bermula dari sebelah Timur. Kemudian beliau memberitahu bahawa Islam di Timur ini akan bergabung dengan Islam di Khurasan dalam proses kebangkitan semula Islam bertaraf ummah.

Walaupun Khurasan satu nama yang sudah hapus dari pada peta dunia tetapi Abuya Imam Ashaari At Tamimi dengan yakin menjelaskan kepada pengikut-pengikutnya bahawa Khurasan adalah sebuah ‘negara’ yang pangkalnya meliputi sebahagian Kabul, sedikit daripada Pakistan, Uzbekistan dan hujungnya di Yunnan.

Bagaimana hendak masuk ke Uzbekistan? Sebab negara tabir besi itu sedang dicengkam oleh pemerintah komunis yang kuku besi? Namun dengan kuasa Allah, dengan tidak ada siapa yang menyangkanya, tiba-tiba negara Soviet Union berpecah dan republik-republik di dalamnya termasuk Uzbekistan dimerdekaan walaupun tanpa persediaan dan tanpa kemahuan rakyatnya.

### **Ramalan Abuya Imam Ashaari**

Hikmahnya, dengan kemerdekaan itu tabir besi negara-negara yang baru merdeka (termasuk Uzbekistan) telah terbuka dan berbondong-bondonglah mubaligh Arqam, rombongan demi rombongan, menjelaki bumi Khurasan. Bara Islam yang dulunya hampir padam telah dinyalakan semula. Apa yang diramalkan oleh Abuya Imam Ashaari At Tamimi benar-benar berlaku bila umat Islam di Khurasan menyambut kedatangan saudara Islam mereka dari Timur dengan hati yang terbuka.

Bukan itu sahaja, bahkan kepimpinan Abuya Imam Ashaari At Tamimi sudah diterima oleh masyarakat Uzbekistan di Bukhara, Termez dan tempat-tempat lain di Uzbekistan. "*Imam... Imam... Imam...*," kata mereka menyambut kedatangan Abuya Imam Ashaari.

Ternyata ramalannya itu benar.

#### **4. Peluang-peluang ekonomi akan terbuka di Filipina**

Beberapa tahun yang lalu, ketika keadaan politik Filipina masih berkecamuk, Abuya Imam Ashaari At Tamimi telah memberitahu para pengikutnya bahawa akan tiba masanya nanti satu kerjasama di bidang ekonomi akan terbentuk antara jemaahnya (Darul Arqam) dengan kerajaan Filipina.

Kini setelah Presiden Fidel Ramos berkuasa, Al Arqam Group of Companies, sebuah badan korporat Islam di bawah Darul Arqam, melalui ANI (Asean Niaga) telah menandatangi satu memorandum persefahaman dengan kerajaan Filipina. Pelik, bagaimana sebuah jemaah Islam boleh diberi kepercayaan untuk mengikat perjanjian perdagangan yang bernilai berjuta dolar Amerika dengan sebuah negara yang pemerintahnya terdiri daripada orang-orang kristian. Tetapi itulah kenyataannya.

Sekali lagi apa yang diramalkan oleh Abuya Imam Ashaari telah berlaku.

## **5. Di akhir zaman orang-orang Cina akan masuk Islam beramai-ramai**

Lama sebelum Abuya Imam Ashaari dan jemaahnya menjelaki bumi Yunnan, beliau telah terlebih dahulu meramalkan bahawa kelak akan berlaku satu peristiwa yang mana orang-orang Cina akan masuk Islam beramai-ramai. Siapa pun tidak menyangka hal itu akan terjadi memandangkan Republik Rakyat China (RRC) masih menutup pintu negaranya kepada orang luar. Waktu itu China masih menjadi negara larangan buat kita di Malaysia. Usahkan berdakwah, bertemu dengan rakyatnya pun nampaknya belum ada harapan.

Beberapa tahun kemudian, negara Tabir Buluh itu terbuka, Abuya Imam Ashaari telah mendahului pemimpin-pemimpin Islam yang lain dan terus menjelaki bumi Yunnan (hujung Khurasan).

Tepat seperti ramalannya, orang-orang China telah mula kembali semula kepada Islam. Proses ini berlaku dalam dua bentuk: Pertama, orang-orang China yang sudah tidak tahu lagi mengucap syahadah walaupun asalnya dulu mereka Islam, ditajdidkan (diperbaharui) semula ke-Islamannya. Kedua, ramai juga orang-orang China yang ateis terdorong memeluk Islam di tangan mubaligh-mubaligh Darul Arqam yang sering berulang-alik ke sana. Ramalan Abuya Imam Ashaari bukan sahaja tepat bahkan beliau sendiri terlibat dalam meng-Islamkan orang-orang China itu.

## **6. Kejatuhan Gorbachev**

Kejatuhan Gorbachev telah diramalkan oleh Darul Arqam pimpinan Abuya Imam Ashaari At Tamimi dua tahun sebelum kejatuhannya. Menariknya, ramalan ini telah dipaparkan kepada masyarakat melalui sebuah sajak yang diberi judul *Perutusan Kepada Gorbachev* dalam majalah

### **Ramalan Abuya Imam Ashaari**

*Al Munir* keluaran November 1988 (lihat sajak tersebut di akhir bab ini). Abuya Imam Ashaari yakin Gorbachev akan jatuh walaupun pada ketika itu pemimpin Rusia itu mendapat dukungan kuat dari Barat. Cuma yang tidak dapat dipastikan bagaimana cara jatuhnya sahaja.

Siapa yang membaca *Perutusan Kepada Gorbachev* akan melihat betapa jelasnya keyakinan itu walaupun disampaikan secara puitis. Dan memang benar, 2 tahun kemudian Gorbachev jatuh tersungkur dalam keadaan tidak dijangkakan oleh sesiapa, hatta CIA sekalipun. Sekali lagi Abuya Imam Ashaari At Tamimi menunjukkan bahawa apa yang diramalkannya bukan mainan, bukan gurauan. Ia benar-benar berlaku walaupun sewaktu dinyatakan nampaknya seperti mustahil.

#### **7. Dua negeri akan jatuh ke tangan pembangkang**

Kejatuhan Kelantan dan Sabah ke tangan parti pembangkang dalam Pilihan Raya Umum 1990 sudah diramalkan oleh Abuya Imam Ashaari. Pandangan itu beliau nyatakan pada seorang wartawan akhbar tabloid yang menemuramah beliau.

#### **8. Masyarakat Islam yang dibinanya akan menggemparkan dunia**

Setelah melalui proses pembinaan diri, dan keluarga Islam pada hujung tahun 60-an, Abuya Imam Ashaari At Tamimi mula membina sebuah masyarakat tersendiri dengan menegakkan perkampungan Islam. Di kampung-kampung itu Abuya Imam Ashaari At Tamimi telah menegakkan sistem hidup Islam yang tersendiri dan beridentiti. Walaupun komuniti itu masih kecil, dengan sistem pendidikan, dakwah, ekonomi, sosial, perubatan yang serba sederhana, namun Abuya Imam Ashaari At Tamimi telah

### **Kesan Selepas Perhimpunan**

berani meramalkan bahawa masyarakat Islam itulah nanti yang akan menggemparkan dunia.

Kali ini Abuya Imam Ashaari At Tamimi meluahkan ramalannya itu dalam sebuah lirik nasyid. Berikut adalah lirik tersebut:

#### **Masyarakat Islam Sudah Bermula**

*Masyarakat Islam telah bermula  
Asasnya telah mula nyata  
dibangunkan oleh pemudi-pemuda  
melalui dakwah merata-rata*

*iman dan ukhuwah sebagai asasnya  
mesti ditanam di dalam jiwa  
setiap peribadi mesti memilikinya  
dari situ melagang keluarga*

*tunggulah masa dan ketikanya  
tenaga-tenaga itu sedang bekerja  
setiap masa di pelusuk negara  
yang akan menggempar seluruh dunia*

*Al Quran dan Sunnah sebagai sumbernya  
mesti diamalkan setiap masa  
menggantikan dustur yang ada  
yang telah merosak kehidupan manusia.*

ditulis pada tahun 1979

Diukur mengikut lojik biasa, apalah yang ada pada masyarakat Islam kecil itu untuk menggemparkan dunia. Ia tidak terkenal di peringkat nasional pun, apalagi di peringkat internasional. Namun tidak sampai 25 tahun kemudian, terbukti masyarakat Islam yang dibina oleh Abuya Imam Ashaari At Tamimi benar-benar menggemparkan dunia. Bukan sahaja tetamu dari seluruh dunia datang mencurah-

### **Ramalan Abuya Imam Ashaari**

curah untuk melawat dan mengambil inspirasi daripadanya, malah Darul Arqam mendapat liputan yang meluas di pelbagai media cetak dan elektronik antarabangsa.

#### **9. Darul Arqam akan dimusuhi oleh Pas dan ABIM**

Lima belas tahun lalu, Abuya Imam Ashaari At Tamimi pernah meramalkan: "Jika Arqam yang ada pada hari ini kuat, ia akan dimusuhi oleh PAS dan ABIM pada masa akan datang."

Ramalan ini ternyata benar. PAS sejak kebelakangan memang keras terhadap Al Arqam. Pengharaman terhadap aktiviti Al Arqam telah dibuat bila PAS berkuasa di Kelantan, bermula dengan pembatalan Ekspos Dunia Baru Islam anjuran Darul Arqam pada September 1990. Dan pada satu ketika, seluruh masjid di negeri Kelantan membacakan khutbah Jumaat menyesatkan Arqam atas arahan Kerajaan Negeri.

ABIM juga turut menyimpan permusuhan terhadap Arqam sama ada secara diam atau pun cara terang-terangan. Pada pertengahan tahun 1993, bila Arqam ditohmah kononnya merancang menggulingkan kerajaan, Dr. Mohd Nur Manutu, Presiden ABIM, telah mengulas dengan katanya: "Kerajaan wajar mengambil tindakan terhadap mana-mana pertubuhan yang berpotensi melakukan kegiatan subversif."

Saya rasa cukup sekadar itu bukti bahawa PAS dan ABIM memang memusuhi Arqam. Tidak payahlah didatangkan banyak contoh, untuk lebih beradab. Lagipun hal ini memang telah diketahui ramai terutama mereka yang mengikuti perkembangan harakah-harakah Islam di Malaysia.

#### **10. Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib akan terus mendapat tempat di hati Dr. Mahathir**

### **Kesan Selepas Perhimpunan**

walaupun hubungannya terjejas dengan Sultan Selangor kerana perkahwinannya dengan Tengku Puteri Zahariah.

Ketika YB Tan Sri bertemu dengan Abuya Imam Ashaari At Tamimi di Meridian Hotel, Singapura disaksikan oleh Hj. Zainal Sakom pada tahun 1991, Abuya Imam Ashaari At Tamimi pernah berkata kepada Tan Sri Muhammad: "Jangan bimbang, Dr. Mahathir akan tetap mempertahankan Tan Sri. PM tetap akan mengambil Tan Sri."

Ramalan ini tepat. Karier politik Tan Sri Muhammad Muhd Taib tidak terjejas oleh krisisnya dengan Sultan Selangor bahkan terus maju ke tahap yang kita lihat sekarang.

### **11. Kemenangan Dato' Seri Sanusi sebagai Naib Presiden UMNO dalam pemilihan tahun 1991**

Apabila mendengar berita Dato' Seri Sanusi Junid bertanding untuk jawatan Naib Presiden UMNO pada tahun tersebut Abuya Imam Ashaari At Tamimi menyatakan rasa hatinya yang Dato' Seri Sanusi akan menang. Malah beliau sendiri menelefon Dato' Seri Sanusi dari Bangkok dan berkata: "Datuk jangan bimbang, Datuk akan menang." Terbukti beliau benar-benar menang dan terus menjadi Naib Presiden UMNO hingga menjelang pertandingan 4 November ini.

### **12. Kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO**

Ketika ramai kalangan membuat andaian Brother Anwar Ibrahim yang pada ketika itu masih bersama ABIM, akan memasuki PAS atas dasar lantangnya menentang kerajaan, Abuya Imam Ashaari At Tamimi mempunyai pendapat yang berbeza. Beliau meramalkan Brother Anwar akan masuk UMNO. Malah ramalan ini dibuat 6 bulan lebih awal daripada tarikh kemasukan Brother Anwar ke dalam UMNO.

### **13. Tokoh-tokoh ABIM akan memasuki parti-parti politik sama ada UMNO atau PAS**

Sejak 1971 lagi Abuya Imam Ashaari At Tamimi telah meramalkan bahawa tokoh-tokoh ABIM akan meninggalkan ABIM untuk menyertai PAS atau UMNO. Pada Abuya Imam Ashaari, ABIM tidak lebih hanyalah sebagai '*training ground*' untuk bakal pemimpin-pemimpin politik. ABIM hanyalah satu 'stesen' sementara untuk meningkat ke kedudukan yang lebih mantap dalam parti-parti politik.

Anwar Ibrahim, Nakhaei Ahmad, Fadhil Noor, Haji Abdul Hadi Awang, Kamaruddin Md. Noor, Kamaruddin Jaafar (sekadar menyebut beberapa nama) adalah antara sekian banyak orang-orang ABIM yang terjun ke parti-parti politik. Sekali lagi, apa yang diramalkan oleh Abuya Imam Ashaari At Tamimi telah berlaku.

### **14. Pengaruh Khomeini akan malap selepas 10 tahun**

Ketika kaum syiah di Iran berjaya membentuk kerajaan revolusi selepas menumpaskan pemerintahan Shah Reza Pahlavi pada tahun 1979, Abuya Imam Ashaari At Tamimi meramalkan pengaruh Syiah hanya akan bertahan sekitar 10 tahun. Ramalan itu berlaku pada 1989 apabila Khomeini meninggal dunia dan selepas itu pengaruh Syiah di negara-negara Islam dan bukan Islam semakin malap.

Kini ketika ramai pihak menganggap era politik Encik Ghafar Baba telah berakhir, Abuya Imam Ashaari At Tamimi menentang arus dengan meramalkan: **Encik Ghafar Baba kemungkinan besar akan menjadi PM.**

Pada saya ada baiknya ramalan ini diambil kira berdasarkan rekod-rekod ramalan beliau yang lalu. Malah bagi saya ia perlu dipandang serius. Katalah ramalan yang satu ini tidak berlaku, itu biasalah. Namanya pun ramalan, sudah

### **Kesan Selepas Perhimpunan**

tentulah ada yang tepat, ada yang tidak.

Cuma kita tidak pasti atas dasar apa atau kacamata apa Abuya Imam Ashaari At Tamimi membuat ramalan kali ini. Apakah mengikut pengamatan biasa, berita dari sumber-sumber *first-hand* ataupun ilham, fihrasat, kasyaf, hatif, mimpi atau secara yaqazah?

---

#### **Perutusan Kepada Gorbachev**

Tunggu di sana tunggu  
Kami akan datang dengan gelombang pemusnah  
menggulung kekuasaanmu  
seperti menggulung sekeping karpet  
kamu akan tercepit, terhimpit dan tersepit  
seperti pepijat dipicit.

Kegerunan orang padamu  
bukan kebesaranmu, bukan keagunganmu  
Keagungan dan Kebesaran hanya kepada ALLAH.

Tunggulah saat musnah  
yang mendatang secepat kilat  
Tunggulah ketika musnah  
yang mengejut sepantas guncangan gempa  
Bumi beruang putih akan dipotong-potong  
seperti tulang-tulang rangka  
yang dipotong-potong dengan kapak  
untuk dibuat sup.

Kapak-kapak itu telah dilayang  
dia akan jatuh di atas tubuh-tubuh beruang putih itu  
kelajuannya secepat kerdipan mata  
memutuskan seluruh urat nadi dan tulang-tulang.

Mereka telah dihalau ke kandang sembelihan  
binatang-binatang itu  
telah cukup gemuk dan cukup umur  
untuk dipotong tengkuknya  
tulang-tulangnya dibakar  
dan daging-dagingnya dibuat baja.

*Almala'unya* menolak seruan  
Kaum proletarnya akan menerima.

Al Muntazar  
Ditulis pada Oktober 1988

# 7 Munajat rakyat





ALAYSIA yang terletak di sebelah Timur sedang dicatur oleh ALLAH untuk satu kebangkitan Islam bertahap ummah sesuai dengan mak-sud Hadis:

*"Kebangkitan Islam di akhir zaman akan bermula dari sebelah Timur."*

Apa jua yang terjadi sama ada yang menyangkut soal ekonomi, budaya, pendidikan dan lain-lain adalah ke arah memberi laluan kepada kemaraan Islam. Setiap pergolakan akan menguntungkan Islam, sekaligus memberi laluan ke arah tertegaknya daulah Islamiah di Malaysia.

Salah satu percaturan ALLAH untuk program ini ialah dengan memproses hati rakyat Malaysia untuk menerima Islam atau setidak-tidaknya mencintai kebenaran. Rakyat Malaysia sedang menuju ke satu arah yang lebih baik ke-Islamannya.

Pengamalan Islam kian meningkat. Rakyat Malaysia semakin serius melaksanakan penutupan aurat, sembahyang, menjauhi perkara-perkara mungkar seperti zina, pergaulan bebas, arak, judi serta lain-lain kemungkaran. Dengan iman dan taqwa, rakyat telah menjauhi kemungkaran-kemungkar-an walaupun ia kadang-kadang belum dijadikan undang-

### **Kesan Selepas Perhimpunan**

undang oleh negara. Undang-undang Islam telah berdaulat di hati rakyat dan terlaksana dalam pengamalan syariat.

Begitu juga yang bukan Islam, hati mereka telah di-'main-mainkan' untuk mencintai kebenaran dan keadilan.

Pada keseluruhannya, rakyat Malaysia diakui baik. Pelancong-pelancong dari berbagai negara mengakui hakikat ini. Malaysia terbaik kerana rakyatnya baik, begitu kata mereka. Malaysia, kata mereka lagi, bukanlah negara terindah untuk dilawati tetapi 'confirm' negara yang paling selamat dilawati. Kebaikan ini bukan sahaja ditunjukkan oleh orang-orang Islam bahkan ditunjukkan juga oleh mereka yang bukan Islam. Keamanan dan sikap ramah mesra rakyat Malaysia jadi sebutan dunia.

Saya kira hal ini juga sudah dijadualkan ALLAH. Ketika pemimpin-pemimpin Malaysia semakin berkecamuk dengan krisis, rakyatnya pula semakin serius menuju kebaikan. Ketika 'ibu bapa' dalam satu keluarga belum kenal penutupan aurat, 'anak-anak' sudah kenal pakaian Sunnah. Bapa borek, tetapi anehnya anak tidak rintik. Pelik, anak ketam boleh berjalan betul walaupun ayah ibunya tidak. Inilah satu lagi *khawariqul 'adah* yang telah berlaku di bumi Malaysia.

Apakah hikmah di sebalik perubahan yang berkadar songsang ini? Apakah ALLAH taqdirkan rakyat menuju kebaikan sebagai persediaan untuk menerima satu kepimpinan yang baik?

Lihatlah walaupun keadaan politik Malaysia berkecamuk, tetapi rakyat keseluruhan tenang sahaja. Kekecohan di peringkat kepimpinan tidak menimbulkan sebarang reaksi buruk daripada masyarakat. Namun begitu saya kira mereka sedang berfikir, bersikap '*wait and see*' terhadap krisis kepimpinan yang sedang berlaku.

Apa yang berlaku pada rakyat Malaysia kini adalah satu proses pengulangan sejarah. Inilah proses yang terjadi pada

### **Munajat Rakyat**

rakyat sesebuah negara bila seorang pemimpin yang baik hendak dikurniakan kepada mereka. Rakyat yang baik dijanjikan pemimpin yang baik.

Sewaktu Sultan Muhammad Al Fateh merancang membebaskan kota Konstantinopel, baginda terlebih dahulu menghantar ‘perisik-perisiknya’ untuk meninjau keadaan rakyat di kota tersebut. Hasilnya, Sultan Muhammad Al Fateh dapati rakyat kota Konstantinopel walaupun beragama kristian tetapi mempunyai akhlak yang baik dan cintakan kebaikan. Kebaikan ini terserlah di pasar-pasar dan di tempat awam.

Tetapi hal yang sebaliknya berlaku pada pemimpin-pemimpin mereka. Pemimpin-pemimpinnya rakus, bertelagah sesama sendiri dan mementingkan hawa nafsu. Oleh itu pada Muhammad Al Fateh, apa yang hendak ‘dibereskan’ ialah soal kepimpinan, bukan persoalan rakyat. Urusan itu mesti diselesaikan dengan cepat kerana jika tidak, pemimpin akan merosakkan kembali hasrat dan fitrah murni rakyat.

Akhirnya, Muhammad Al Fateh pun berperang dengan pemimpin Konstantinopel, bukan dengan rakyatnya. Ini seuai dengan Jadual ALLAH yang diisyaratkan oleh Hadis Rasulullah SAW mengenai kejatuhan Konstantinopel:

*“Konstantinopel akan jatuh (kepada Islam) di tangan raja yang baik, tentera yang baik dan rakyat yang baik.”*

Rakyat Konstantinopel yang baik merupakan persediaan untuk menerima Muhammad Al Fateh, pemimpin yang baik. Sejarah menceritakan, ada di antara mereka yang berpaling-tadah terhadap ketua-ketua mereka sendiri lalu menyokong Muhammad Al Fateh dengan mereka sendiri membuka pintu-pintu kubu pertahanan Konstantinopel untuk tentera Islam.

### **Kesan Selepas Perhimpunan**

Ini juga jelas menunjukkan ketika Muhammad Al Fateh berada di sempadan lagi, ALLAH telah proses rakyat Konstantinopel yang hendak dibebaskannya menjadi rakyat yang baik. Inilah karamah pemimpin yang dekat hatinya dengan ALLAH. Baru di sempadan lagi, karamahnya telah melimpah, yang dengan itu rakyat negara yang hendak dimasukinya telah diproses menjadi baik sebagai persediaan menerima kepimpinannya yang baik.

Bagi rakyat, yang penting keadilan. Untuk mendapat keadilan, rakyat Konstantinopel rela membelakangkan raja-raja mereka yang seagama untuk bernaung di bawah perintahan Sultan Muhammad Al Fateh yang Islam. Kalau begitu tidak hairan, demi keadilan, rakyat Malaysia juga akan berpaling dari ideologi-ideologi yang ada sekarang untuk mendapat pimpinan daripada mereka yang lebih diyakini.

Bagi saya, ini merupakan percaturan ALLAH untuk menaikkan agama-Nya di bumi Malaysia. Inilah sebenarnya angin perubahan yang akan berlaku seperti yang disebut-sebut oleh pemimpin-pemimpin muda UMNO itu. Iaitu satu perubahan total ke arah Islam yang menolak sebarang kompromi dengan kemungkaran.

Rakyat umumnya semakin hilang keyakinan terhadap ahli-ahli politik, sekaligus kepada parti-parti politik. Mereka jemu melihat krisis yang berlaku antara parti dengan parti dan kini sesama parti. Pada mereka, ini bukan persaingan ideologi lagi. Tetapi sudah mirip kepada memperjuangkan kepentingan diri. Mereka tidak rela jadi pelanduk tersepit di tengah-tengah gajah yang bergaduh. Rakyat mencari-cari malah ternanti-nanti datangnya ketenangan.

Dalam mencari dan menanti itulah hati rakyat merintih, berdoa dan bermunajat. Oleh itu mereka pun berdoa sesuai dengan apa yang mereka inginkan. Mereka minta ALLAH tunjukkan seorang pemimpin atau satu kumpulan yang bo-

leh membawa keamanan dan kedamaian. Dalam munajat itu, mereka merintih agar Malaysia dipimpin semula ke arah kebaikan sesuai dengan perubahan yang sedang mereka lakukan.

ALLAH selalunya menjawab rintihan hamba-hamba-Nya bila rintihan itu merata. Bila setiap hati merintih, "Bila lagi akan datang bantuan ALLAH?" saat itulah pertolongan ALLAH semakin hampir. Inilah yang diucapkan oleh umat nabi-nabi dahulu termasuk para sahabat Rasulullah SAW. Inilah munajat yang berlaku berulang-ulang kali pada pencinta-pecinta kebenaran sepanjang zaman. Dan setiap kali munajat itu tercetus, ALLAH tidak pernah membiarkannya. ALLAH jawab dengan mengabulkannya.

Pada saya kali ini ALLAH akan segera menunaikan doa hamba-hamba-Nya di bumi Malaysia yang tercinta. ALLAH berkuasa mengabulkannya dengan berbagai-bagai cara yang tidak terfikir oleh mereka. Insya-ALLAH pada saya, ALLAH akan memilih jalan-Nya sendiri untuk menegakkan kebenaran. Berbagai-bagai perkara yang tidak lojik boleh berlaku. ALLAH tidak tertakluk oleh faktor lojik.

Namun sesuai dengan Islam yang dikatakan '*Dinul Khailis*' — agama yang bersih — kita yakin Islam juga akan di-naikkan di bumi Malaysia melalui pemimpin dan cara yang bersih. ALLAH tidak akan pilih politik, jalan yang diakui kotor oleh ahli-ahli politik, untuk menaikkan pemimpin yang bersih.

Islam juga agama selamat, maka Allah tidak akan pilih jalan-jalan yang tidak selamat, militan dan agresif sebagai laluan untuk menaikkan agama-Nya. Oleh itu pada saya, Islam tidak akan berdaulat di bumi Malaysia melalui cara demokrasi atau revolusi. Tetapi ia akan berdaulat di hati rakyat melalui pengamalan syariat dalam suasana yang tenang dan aman.

Dan Allah tidak akan pilih pemimpin-pemimpin yang

### **Kesan Selepas Perhimpunan**

sedang bergelumang dengan dosa-dosa politik untuk mendaulatkan kembali agama-Nya yang bersih dan selamat ini. Pada saya, munajat rakyat adalah berkat. Tidak kira siapa yang terpilih untuk menerajui Malaysia selepas pertandingan ini, ALLAH akan tetap dengan janji-Nya: rakyat yang baik akan dikurniakan pemimpin yang baik!

Pemimpin kali ini ialah pemimpin ‘pilihan’ Tuhan bukan ‘dipilih’ manusia. ‘Selected leader’ bukan ‘elected leader’.

Gambaran munajat rakyat ini cuba saya paparkan melalui lirik nasyid ini:

#### **KASIH SAYANG**

*Setiap manusia merindukan kasih sayang  
ia adalah fitrah semulajadi  
menginginkan hidup yang harmoni  
itulah kebahagiaan  
yang dicari*

*Setiap insan inginkan pembelaan  
inginkan perlindungan dan dihormati  
hak asasi jangan dicabuli  
setiap yang bersalah hendaklah diadili*

*Bertolak-ansur di dalam kehidupan  
di antara rukun bermasyarakat  
berfikir dan bermuafakat  
akan kehidupan bermasyarakat  
menjadi berkat*

*Di mana oh di mana  
ini semua diperolehi  
keinginan fitrah manusia sudah punah  
harapan manusia musnah sama sekali  
lantaran hati hitam dengan mazmumah*

### **Munaajat rakyat**

*Di sana sini  
huru-hara dengan krisis  
berperang dan mengamuk harta musnah  
manusia mati  
kemiskinan dan kemelaratan terbiar sendiri  
pembesar si kaya bermaharajalela*  
*Di mana oh di mana  
Tuhan Engkau saja harapan kami ini  
Engkau pelindung sejati  
Engkau pembela kami  
Engkau penyelesai masalah kami.*

Lirik oleh  
Abuya Syeikh Imam Ashaari Muhammad At Tamimi



Siapa pun yang akan terpilih untuk menerajui Malaysia selepas Dr. Mahathir, dia adalah pemimpin pilihan Tuhan, yang mempunyai rekod bersih dan mampu membawa keamanan kepada negara. Dia diterima oleh hati setiap rakyat termasuk ahli-ahli UMNO sendiri.

## Penutup

PERHIMPUNAN 4 November merupakan salah satu anak kunci kepada peristiwa-peristiwa besar yang akan berlaku di Malaysia, yang ada kaitannya dengan Hadis kebangkitan Islam di sebelah Timur. Rasulullah SAW bersabda:

*"Di akhir zaman Islam akan bangkit dari bumi sebelah Timur."*

Untuk itu, semua pergolakan dicatur Allah untuk memberi laluan yang lebih luas kepada Islam. Termasuk pergolakan-pergolakan politik. Yang akan menang (dalam erti kata sebenar) ialah yang memberi laluan kepada Islam. Yang kalah ialah mereka yang boleh menyekat laluan itu.

Islam sudah semakin mantap di Malaysia dan ia perlukan 'highway' yang lebih lebar untuk lalu. Siapa memberi laluan selamat. Yang menyekat musnah.

Saya rasa kegemilangan parti-parti politik sudah berakhiri. Pertembungan Anwar-Ghafar adalah nafas terakhir pada politik Barat yang sedang sakarat di Malaysia. Bukan

### **Kesan Selepas Perhimpunan**

setakat parti politik, jemaah-jemaah Islam yang terlibat secara langsung dengan politik Barat pun akan menerima nasib yang sama. Mereka juga akan turut hanyut dalam arus baru Islam yang akan memberi pukulan maut untuk sistem politik warisan Barat.

Krisis dalam UMNO kini adalah bukti kaedah memilih pemimpin secara demokrasi Barat sudah tidak praktik lagi diamalkan di zaman kebangkitan Islam kini. Walaupun sudah ada suara untuk meminda prinsip demokrasi Barat supaya sesuai dengan aspirasi Malaysia, tetapi ‘pembedahan-pembedahan kecil’ itu tidak akan bererti apa-apa kerana kepincangan sistem politik Barat itu melibatkan perkara-perkara dasar yang perlukan perubahan menyeluruh. Sistem itu bukan boleh *direpair* tetapi perlu diganti. Saya rasa sistem hidup Islam dan politiknya akan diterima juga oleh rakyat secara sukarela sedikit masa nanti.

Rakyat bawahan, golongan pertengahan dan kelompok elit sudah jemu dengan krisis. Mereka tidak rela lagi ditipu oleh sistem yang sudah terbukti menjerumuskan mereka ke lembah permusuhan demi permusuhan. Dulu sudah ada Team A, Team B; kini sudah makin kusut dengan adanya bermacam-macam *team*. Team C, D, E ...

Kemahuan Islam sudah semakin kuat di hati rakyat. Inilah suara rakyat sekarang sama ada diluahkan atau hanya disimpan di lubuk hati. Cuma kehendak itu belum sistematik. Fikiran dan hati mereka masih bersimpang-siur dengan pelbagai masalah. Maklumlah, sudah sekian lama mereka dijajah oleh fahaman sekular. Mereka mahukan Islam tapi belum nampak jalan. Hati rakyat umpama tanah subur yang sudah digembur, cuma menanti dicucuk dengan biji benih untuk tumbuhnya pohon Islam yang rendang.

Mereka kini sedang mencari satu minda yang jelas dan model *Islamic way of life* yang praktikal untuk difahami, diyakini dan diamalkan. Bagaimanakah caranya? Siapakah

## **Penutup**

pemimpinnya? Apakah sumber ikutannya?

Hati rakyat umpama wadah kosong yang minta diisi. Dan ketika ini jika gerakan-gerakan Islam mampu mengisi, mereka lah yang akan dapat mengubat dan sekaligus memenangi hati rakyat yang terluka. Sewaktu parti-parti politik, khususnya UMNO semakin goyah, sepatutnya gerakan-gerakan Islam menjadi semakin mantap.

Tentulah ada di kalangan gerakan-gerakan Islam itu yang paling berwibawa untuk mengisi *vacuum* yang ditinggalkan oleh UMNO. Jemaah Islam itu mesti mampu menyelesaikan pelbagai masalah rakyat ketika keupayaan UMNO untuk berbuat demikian semakin kurang. Jemaah Islam itu mesti punya identiti tersendiri dan dapat menunjukkan keunggulannya untuk diterima oleh rakyat sebagai alternatif.

Kemampuan mengisi keperluan rakyat mesti menyelesaikan. Baik di bidang ekonomi, budaya, sosial, pendidikan, dan yang paling penting di sudut kejiwaan. Malaysia mungkin semakin mantap di sudut ekonomi, tetapi masih ramai rakyat yang miskin jiwa. Gerakan Islam itu juga mesti mempunyai kemampuan memberi khidmat kepada masyarakat tanpa banyak bergantung kepada wang kerajaan.

Kita yakin masa depan Islam akan lebih cerah selepas pertandingan ini. Kepimpinan Islam yang sebenar akan muncul di celah-celah krisis yang memuncak sekarang. Di atas keruntuhan sistem politik yang *un-Islamic* akan terbina sistem politik Islam dalam keadaan yang aman dan harmoni. Ia akan berlaku dengan kehendak ALLAH, mengikut kaedah-Nya sendiri. *God always move in the mysterious way.*

Oleh itu saya optimis sekali, jika berlaku kekecohan selepas Perhimpunan Agung UMNO nanti tetapi tidaklah begitu kronik. Satu natijah yang baik akan berhasil melalui cara yang baik. Kekusutan yang berlaku akan dapat di-

### **Kesan Selepas Perhimpunan**

ungkai walaupun dirasakan begitu kronik di peringkat awal. Sudah menjadi Sunnatullah, seperti molekul-molekul air yang berlanggar sesama sendiri ketika air mendidih sebelum ianya berubah menjadi wap.

Begitulah angin perubahan yang bertiup ke arah Islam. Walau bagaimana lembut sekalipun pasti ada sedikit getaran untuk memisahkan kebatilan dari kebenaran. Supaya ter-selrah siapa yang ikhlas mahukan Islam, di hati rakyat dan di sisi ALLAH!

Yang pasti, Islam di Malaysia akan berdaulat tidak melalui jalan demokrasi dan tidak melalui revolusi. Kepimpinan Islam akan diterima oleh rakyat atas dasar fitrah dan keyakinan. Bukan atas lobi atau paksaan. Bumi Malaysia akan diwariskan kepada hamba-hamba ALLAH yang soleh sesuai dengan firman-Nya:

*"Sesungguhnya muka bumi ini ALLAH akan diwariskan kepada hamba-hamba-Nya yang soleh."*

(Al Anbia: 105)

Kepimpinan kali ini akan ditunjuk oleh hati, bukan jari. Malaysia akan banyak menyaksikan peristiwa-peristiwa luar biasa seperti yang pernah berlaku di zaman kebangkitan Islam kali pertama dulu.

Saya kira akan banyak berlaku perkara-perkara yang tidak dijangkakan di Malaysia menjelang dan selepas 4 November ini. Ramalan-ramalan saya masih jauh untuk menjangkau sesuatu yang masih dalam ilmu ALLAH. Tidak kira sama ada apa yang saya ramalkan dalam buku ini tepat atau tidak, namun saya yakin apa jua yang berlaku, Islamlah yang akan menang. Sama-samaalah kita saksikan. Insya-ALLAH.

Kuala Lumpur  
30 Oktober 1993



Atas: Encik Tamrin Ghafar (kiri) bersama Abuya Syeikh Imam Ashaari At Tamimi; September 1993.

Bawah: Nostalgia Brother Anwar Ibrahim bersama Abuya Imam Ashaari di tahun-tahun 70-an.